



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 2

RABU 10HB. JANUARI, 1979.

رابعو 10 صفر 1399

PERCHUMA



DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia.

Tahniah dari DYMM Yang Dipertuan Agong Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lewat petang sa-telah istiadat menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan British itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah menerima perutusan tahniah yang pertama yang datang-nya dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia.

Siaran Kerajaan yang terbit lewat petang hari Ahad itu berbunyi: "Utusan tahniah yang pertama di-terima ia-lah sa-puchok talikawat yang di-tujukan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Dipertuan Agong Malaysia dalam mana memberikan tahniah yang sa-tinggi2-nya sempena Istiadat Menanda-tangani Perjanjian baharu di-antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan British, yang mana membawa sejarah baharu bagi Negeri Brunei dan raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Seterusnya, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Dipertuan Agong berdo'a Kehadharat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Allah melimpahkan taufik dan hidayah-Nya ka-atas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan raayat Brunei seluruh-nya. Dan, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong juga berdo'a semoga Allah melanjutkan usia zaman Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kekal karal memerintah Negeri Brunei Darussalam dengan bertambah2 aman dan makmur dan sentosa sa-lama2-nya."

Bagi menghadapi saat kemerdekaan K'JAAN BAGINDA BERAZAM MENYUSUN PERSEDIAAN2 DAN PERSIAPAN2 — TITAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan ujud-nya kemerdekaan bagi Brunei ini bermakna akan menambahkan lagi bebanan dan tanggung-jawab yang berat kepada Kerajaan Baginda di-samping ia-nya akan menimbulkan berjenis2 chabaran kepada sa-buah negara kecil yang serba-serbi kekurangan saperti negeri ini.

Bagaimanapun Baginda Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda dengan bertawakkal kepada Allah s.w.t. akan berazam untuk berbuat sedaya-upaya bagi menyusun persediaan2 dan persiapan2 bagi Negeri Brunei menghadapi saat yang gemilang itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Sir Muda Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah bertitah demikian dan menyatakan ba-

hawa perkara tersebut ada-lah di-sedari oleh Baginda dan Kerajaan Baginda.

Bertitah sa-telah sempena Istiadat Menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Negeri Brunei dan United Kingdom, Baginda menambah, bahawa dalam membuat persiapan2 tersebut, mulai dari sekarang Kerajaan Baginda serta

Lihat muka 16



Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika bertitah di-Istiadat tersebut.

Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Brunei — United Kingdom di-meterai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah petang Ahad, 7hb Januari yang baru lalu dengan rasmi-nya telah menurunkan tanda-tangan Baginda sa-bagai mensahkan termeterai Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan United Kingdom yang akan membawa ka-arrah kemerdekaan Negeri Brunei pada 1983.

Perbincangan yang telah di-adakan

Satu pandangan jauh Baginda Sultan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perbincangan yang telah di-jalankan dalam suasana persahabatan yang di-lakukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda Queen ada-lah merupakan pandangan yang jauh Baginda Sultan bagi kesejahteraan raayat negeri ini.

YAB Lord Goronwy Roberts, Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel menyatakan keyakinan penoh-nya bahawa

perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu bagi pembangunan yang berterusan dan kekal bagi negeri ini akan menempatkan penduduk-nya dalam keadaan yang baik.

YAB Lord Goronwy Roberts telah berucap demikian di-Istiadat Menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Negeri Brunei dan United Kingdom di-Lapau, petang Ahad yang baru lalu selaku wakil Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen.

Lihat muka 16

Perjanjian tersebut yang di-tanda-tangani dengan penoh istiadat negara di-Lapau di-sini dan di-hadiri oleh orang2 kenamaan dan pembesar2 negara telah turut di-meteraikan oleh YAB. Lord Goronwy-Roberts, Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, selaku wakil DYMM Paduka Seri Baginda Queen.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ka-Istiadat itu kira2 jam 1.50 petang telah di-sambut dengan satu perbarisan kehormatan yang terdiri dari anggota pasukan 'D' Kompeni Batalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei di-pekarangan Lapau.

Dengan iringan permainan pancharagam Pasokan

Lihat muka 16



Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Negeri Brunei dan United Kingdom telah di-meterai di-Lapau pada hari Ahad lalu. Kebawah Duli Yang Maha Mulia (gambar atas) telah menanda-tangani perjanjian tersebut sementara gambar bawah YAB Lord Goronwy-Roberts, Menteri Negara British bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, menanda-tangani bagi pihak Kerajaan British.





Pelita Brunei

OTRIBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

10HB. JANUARI, 1979

MEMETERAI PERJANJIAN PERSAHABATAN DAN KERJASAMA

SESUNGGOH-NYA upacara menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Brunei dan United Kingdom yang akhir-nya akan membawa Kemerdekaan 1983 telah pun selamat di-langsungkan dengan penuh adat-istiadat negara.

Dengan termeterai-nya perjanjian itu, maka dengan izin Allah negara kita kini bertambah2 memancarkan cahaya keagungan dan kedaulatan-nya yang sa-memang-nya sudah pun mempunyai kegemerlapan laila bersinar sejak beberapa kurun yang silam ia-itu sejak terbentuk-nya negara bersultan yang beragama Islam membawa kepada keagungan dan perluasan empayar oleh Sultan Bolkiah dan kini di-bawah pemerintahan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, negeri kita akan mengecap alam kemerdekaan di-zaman ini.

Ibarat kemerdekaan atau kedaulatan negara kita itu sa-bagai sa-butir intan yang di-balut dengan ikatan emas yang kukuh dan intan itu kita simpan di-dalam sa-buah peti yang sukar di-pecah dan di-churi oleh sesiapa pun, yang memang bukan tuan-nya, maka sa-telah sekian lama ia-nya tersimpan, dengan sebab kerinduan dan keghairahan rakyat serta penduduk untuk ingin melihat keindahan pancharan dan kilauan serta untuk menikmati kepuasan dari-nya, lantas intan itu kita keluarkan kembali dari tarohan-nya. Kalau ketika intan itu kita yang menyimpan-nya kerana kita memang tuan-nya, maka kini waktu untuk mengeluarkan-nya dari peti itu tentu-lah kita juga yang berhak melaksanakannya, sebab kunchi-nya ada pada kita.

Memang berbeza dengan kemerdekaan yang telah di-chapai oleh negara2 lain di-rantau ini. Kemerdekaan yang mereka chapai itu ibarat sa-butir intan yang memang milik mereka, tetapi intan itu mereka serahkan bulat2 seperti sa-buah barang gadai-kan kepada orang lain, dan waktu mereka ingin menemukannya kembali keindahan dari-nya, mereka terpaksa menghadapi beberapa rintangan yang sa-olah2 seperti ranjau yang sukar sekali hendak di-tembusi kechuali dengan pengorbanan dan kekerasan. Tetapi bagi kita bukan demikian hal-nya.

Demikian-lah hanya dengan sifat kebijaksanaan dan persafahaman serta tolak ansor antara Baginda dan Kerajaan dengan Kerajaan Baginda Queen maka kegemilangan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita yang sekian lama kita pertaruhkan untuk di-jagai itu supaya ia-nya tidak di-nodai dan di-kaborkan oleh mana2 pehak yang rakus atas-nya, kini ibarat gagak pulang ka-benua atau ibarat pinang pulang ka-tampok untuk di-belai kembali oleh tuan-nya yang benar2 sa-bagai warith-nya.

Maka dengan peralihan dan penyerahan milik kepada yang empunya, kerana memang milik itu bukan di-gadai-kan, tentu-nya akan hilang-lah segala tuduhan dan shak-wasangka dari manusia2 yang memang iri hati kepada negara kita yang sa-lama ini berusaha merangkumkan tangan-nya untuk menemukannya keindahan yang sentiasa berseri.

Dan tentu kita tidak rugi untuk melafaskan terima kasih kepada Kerajaan Baginda Queen yang telah berusaha payah menajagi dan memelihara amanah yang kita berikan, sa-hingga sekian lama amanah itu di-laksanakan, perjalanan persahabatan dan persafahaman sentiasa terusan dan tersimpul erat tanpa apa2 tersimpan rasa khianat atau churiga antara kedua-nya.

Dan bagi kita sekali pun kemerdekaan itu ada-lah hak milik kita terutama orang2 Melayu di-negeri ini yang patut untuk menemukannya sa-penoh-nya, namun kerana sifat kita sa-bagai sa-buah bangsa Brunei yang memiliki keluhuran dan tidak bakhil untuk menemukannya sendiri sesuatu kejayaan itu, maka sa-bahagian dari nikmat2 kemerdekaan itu akan juga kita sumpikan hikmat-nya kepada lain2 bangsa dan puak yang menjalmai dan sudah menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Demikian-lah betapa keindahan kemerdekaan yang sekian lama kita pertaruhkan itu yang sinar-nya masih bergemerlapan kita semerakkan di-seluruh pelusok negara agar sa-tiap wajah akan sama2 turut terpancar sinar-nya. Mudah2an dengan kebijaksanaan Baginda dalam menaqtor dan melaksanakan nikmat kemerdekaan itu nanti benar2 akan memaniatkan do'a dan restu dari kita semua Allah akan lebeh2 lagi melimpahkan taufik dan hidayah-Nya kepada Baginda dan kita semua.

LEMBAGA HAKIM2 PENJARA DAN MELESEN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, dengan sukachita telah melantek nama2 yang berikut



Awang Jumat bin Alim.

Ikuti kursus ijazah Pertanian di-N. Zealand

BANDAR SERI BEGAWAN.—Awang Jumat bin Alim, Penolong Pegawai Pertanian telah berlepas ka-Kanada pada hari Khamis lalu untuk mengikuti kursus Sarjana Muda Sains (Agronomi) di-McGill University.

Beliau menjalani kursus tersebut di-bawah ranchangan latehan dalam perkhidmatan dan akan berada di-sana sa-lama tiga tahun.

Awang Jumat mula berkhidmat dengan Jabatan Pertanian sa-bagai Pembantu Pertanian dalam bulan Disember 1973 dan di-tempatkan di-Bahagian Penyelidikan Chawangan Agonomi hingga bulan Oktober 1977. Sa-masa bertugas di-chawangan itu, Awang Jumat telah banyak terlibat dalam perhubungan dan penyelidekan tanaman sayor2an.

Sa-belum beliau bertolak ka-Kanada, beliau telah di-tugaskan sa-bagai Pengurus Stesen Pertanian Kilanas untuk menggantikan sa-orang pegawai yang pada masa ini masih mengikuti kursus di-Lincoln College di-New Zealand.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Kanan, Awang Daniel bin Haji Hanafiah telah pulang sa-telah berjaya memperolehi ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang pertanian dengan mendapat honours kelas dua bahagian satu dari Maktab Lincoln, University Canterbury, New Zealand.

Awang Daniel menjalani kursus diploma post graduate di-maktab tersebut dalam tahun 1976 dan meneruskan pengajian-nya dalam sarjana muda sains pertanian di-maktab yang sama sa-lama dua tahun.

untuk menjadi ahli Lembaga Hakim2 bagi Penjara Brunei dan ahli Lembaga Melesen bagi daerah2 yang di-tetapkan bagi tahun 1979:—

LEMBAGA HAKIM2

BAGI PENJARA:

YAM Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibul Nabalah Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metusain, YB Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail, Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Md Salleh, Pengiran Badarudin bin Pengiran Haji Ghani, Awg Haji Shahbudin bin Md Salleh, Awang Haji Badarudin bin Pengarah Haji Othman, Awang Haji Maksin bin Pukul dan Awang Omar bin Haji Serudin.

LEMBAGA MELESEN

DAERAH BRUNEI/

MUARA, TUTONG

DAN TEMBURONG:

Pegawai Daerah Brunei dan Muara (Pengerusi), Pengawal Kastam dan Bea (Timbalan Pengerusi), Pegawai Daerah Tutong, Pegawai Daerah Temburong, Awang Lim Eng Meng, Pegawai Pemerintah Polis Daerah Brunei/

Muara, Awang Malai Haji Murad bin Malai Haji Mashor (Ahli2) dan Awg Zainal Abidin bin Haji Tahir (Setiausaha).

LEMBAGA MELESEN DAERAH BELAIT:

Pegawai Daerah Belait (Pengerusi), Penguasa Kastam Belait (Timbalan

Pengerusi), Pegawai Pemerintah Polis Diraja Daerah Belait, Awang Abdul Rahman bin Kanu, Pegawai Tanah Belait, Yang Berhormat Pehin Datu Singa Menteri Awang Ariff bin Mujun (Ahli2) dan Awang Md Dani bin Pengiran Idris (Setiausaha).

Lesen2 hendak-lah di-baharui

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Perikanan mengumumkan bahawa semua nelayan hendak-lah membaharui alat2 penangkap ikan mereka bagi tahun 1979. Lesen2 ini hendak-lah di-baharui sebara-

pa segera. Nelayan2 yang di-dapati menggunakan alat2 menangkap ikan yang tidak mempunyai lesen boleh di-dakwa di-bawah Enekmen Perikanan 1972.

Lesen boleh di-dapati dari Pegawai Melesen Perikanan di-tempat2 berikut:

Bandar Seri Begawan.—Di-Jabatan Perikanan pada tiap2 hari Isnin dan Sabtu sa-masa waktu pejabat.

Tutong.—Di-Pejabat Laut pada hari Selasa di-sebelah pagi.

Muara.—Di-Pejabat Kastam lama pada tiap2 hari Rabu sebelah pagi.

Kuala Belait.—Di-Pejabat Perikanan pada tiap2 hari Khamis di-sebelah pagi.

PEMBETULAN

KETERANGAN gambar yang tersiar di-muka 5 keluaran Pelita Brunei 27hb Disember, 1978 sebenarnya ia-lah Awang Haji Yahya bin Haji Haris, Pegawai Daerah Tutong; bukan-nya Dato Paduka Awang Haji Yahya bin Haji Haris. — Pengarang.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 4hb Januari 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
 - b) Kim Seng Choon, No. 91, Jalan Chevalier.
2. FISH CURRY POWDER (Chap Rusa 340g) — \$1.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
 - a) Hong Soon, No. 6, Jalan McArthur.
3. GARAM HALUS (Phoenix) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
 - b) A.M. Mohammad Ali Maricar, No. 87, Jalan Chevalier.
 - c) A. Muthian, No. 9, Jalan McArthur.
 - d) Chai Huat Trading Company, No. B2, Jalan Roberts.

KUALA BELAIT:

1. LADA KERING — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
 - a) Chop Ng Ming Hong,

No. E, Bangunan Dewan

Perdagangan China.

2. FISH CURRY POWDER (Chap Rusa 340g) — \$1.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
 - a) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
3. GARAM HALUS (Phoenix) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut:—
 - a) Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty.

SERIA:

1. LADA KERING — \$3.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
 - a) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
2. FISH CURRY POWDER (Chap Rusa 340g) — \$1.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
 - a) Choo Heng & Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
3. GARAM HALUS (Phoenix) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut:—
 - a) Chop Thiam Heng, No. 42, Jalan Bunga Melor.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 13hb hingga 17hb Jan. 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong	13.1.1979	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	13.1.1979	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	13.1.1979	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Sungai Hanching	15.1.1979	Isnin	3.00- 4.00 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	15.1.1979	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	16.1.1979	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	16.1.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	17.1.1979	Rabu	8.30- 9.30 "
Sekolah Melayu Pengkalen Batu	17.1.1979	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	17.1.1979	Rabu	11.00-12.00 T. Hari

KERAJAAN SENTIASA BERHATI2 BERBELANJA



YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato
Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.



MATA-WANG BRUNEI TERJAMIN

KERAJAAN memang berhati2 pada membelanjakan peruntukan yang telah di-sediakan. Satu bakti bahawa Kerajaan menitik-beratkan perkara tersebut, ialah dengan ada-nya penambahan beberapa orang pegawai di-Pejabat Odit yang tujuan utama-nya ia-lah untuk memeriksa semua perbelanjaan2 di-Jabatan2 Kerajaan.

YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain telah membuat kenyataan tersebut sa-bagai menyangkal terhadap beberapa tuduhan yang menyatakan pihak2 berkenaan melakukan pembaziran dalam membelanjakan wang peruntukan negara, ketika beliau turut menyokong Rang Belanjawan 1979 yang dibentangkan oleh YB Pegawai Kewangan Negara.

Menjawab satu tegoran dari salah sa-orang ahli yang di-lantek yang ingin tahu mengenai persediaan2 yang akan di-buat dalam tempoh lima tahun ini bagi

anak2 tempatan, Yang Berhormat itu menjelaskan, bahawa dalam anggaran belanjawan tahun ini terdapat 15 juta ringgit telah pun di-peruntukkan bagi memberi latihan ka-sebe-rang laut untuk pegawai2 Kerajaan yang terdiri dari anak2 tempatan berbanding dengan peruntukan tahun lepas hanya enam juta ringgit.

Satu lagi chontoh sa-bagai persediaan permulaan itu, tambah Yang Berhormat Pehin Ratna ia-lah

mengenai dermasiswa. Pada tahun lalu peruntukan hanya berjumlah 8.5 juta ringgit, tetapi pada tahun ini bertambah menjadi 11 juta ringgit.

Ini-lah, jelas Yang Berhormat itu di-antara beberapa bakti yang menunjokkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengambil langkah2 perlu sa-bagai persiapan dan persediaan yang kesemua-nya akan mula di-lancarkan pada awal tahun ini.



YB. Dato Seri Laila Jasa
Awang Haji Zakaria.




YB. Pehin Orang Kaya Seri
Setia Awang Haji Ali.

YB. Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid yang turut menyokong ketika membahaskan Rang Belanjawan 1979, mensifatkan bahawa peruntukan yang besar itu semakin bertambah tiap2 tahun jika di-bandingkan dengan keramaian rakyat dan penduduk negeri ini.

Beliau berharap agar peruntukan tersebut akan dapat di-belanjakan dengan berjiwat chermat dan berhati2 supaya jangan sampai terjadi saperti negara2 pengeluar minyak lain yang menghadapi penyakit pembaziran dan perbelanjaan yang hanya menguntungkan pihak2 asing.

TURUT mengalu2kan peruntukan negara tahun 1979 ini ia-lah YB Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail dengan mensifatkan peruntukan itu ada-lah sampil dalam kita menghadapi keadaan Brunei ketika ini.

Yang Berhormat berharap supaya perkhidmatan2 Kerajaan akan lebih baik lagi taraf-nya dan akan lebih mengambil be-



Gambar atas (dari kiri) YB. Awang Abdul Latif bin Abdul Hamid, YB. Awang Chong Seng Toh dan Y.B. Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Sepiuddin.

rat terhadap kepentingan orang ramai.

SA-PENDAPAT dengan Ahli2 Berhormat lain, YB Awang Chong Seng Toh berkata bahawa peruntukan itu menunjukkan kemajuan Brunei yang semakin pesat.

Beliau menekankan agar faedah2 dari peruntukan negara itu akan lebih banyak tumpah kepada rakyat bumiputera dengan menyatakan yang mereka itu masih kalah dalam bidang2 perniagaan dan masa-nya telah tiba untuk Kerajaan membuka peluang yang sa-luas2-nya bagi penyertaan mereka di-bidang berkenaan.

Mengenai dengan perkhidmatan pegawai2 dan

kaki-tangan Kerajaan, Yang Berhormat itu men-shorkan supaya di-tubuhkan jawatankuasa penilai sesuatu usaha yang di-laksanakan supaya kejujuran dan kecekapan akan dapat di-kesan, dengan itu akan terelak-lah pembaziran yang menjadi sungutan orang ramai.

YB Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Sepiuddin ketika menyekutukan diri menyokong Rang Belanjawan berkenaan telah menguchapkan tahniah kepada YB Pegawai Kewangan Negara atas kebijaksanaan-nya memberikan huraian2 tentang peruntukan negara yang semakin besar itu.

Bagaimanapun, Yang Berhormat itu mensifatkan yang peruntukan itu sa-

bagai sederhana saja dan tidak begitu tinggi mengikut keadaan yang ada pada masa ini. Kenaikan2 perbelanjaan tersebut, tambah beliau, ada-lah mengikut kenaikan2 gaji pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan yang juga semakin bertambah.

Yang Berhormat itu juga mengalu2kan sambil menyarankan bahawa kedudukan mata-wang Brunei ada-lah kukuh dan dapat melicinkan hubungan niaga antara Brunei dan Singapura.

Chuma apa yang menjadi kesalan ia-lah hubungan pertukaran wang2 shiling Brunei di-republik itu sa-bagai tidak laku untuk di-terima oleh sa-bahagian besar kedai2 dan pusat2 membeli-belah, perkara ini perlu di-selideki, jelas Yang Berhormat itu.

YB. Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji Sulaiman pula memberi-tahu Dewan bahawa mata-wang Brunei di-Singapura ada-lah terjamin dan tidak akan menjejaskan ekonomi negeri ini.

Kata-nya, samada banyak wang Brunei di-gunakan di-Singapura atau tidak, memang-lah sukar bagi Kerajaan untuk meng-hadkan-nya kerana kita mempunyai hubungan perjalanan perniagaan yang baik dengan negeri itu. Bagaimanapun ini tidak-lah mendatangkan kesan yang besar kepada ekonomi Brunei.

Menjawab satu pertanyaan lain mengenai penubuhan kilang baja ammonia/urea, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria menjelaskan lagi tentang ucapan YB Pegawai Kewangan Negara terdahulu dari ini, bahawa Sharikat Minyak Shell tidak dapat menjamin untuk membekalkan gas che-chair asli yang menchukopi saperti itu yang di-perlukan oleh projek berkenaan, sedangkan hasil-nya tidak di-perolehi.

Mengenai kilang kertas pulpa pula, Yang Berhormat itu sekali lagi men-cangkan, bahawa projek itu tidak dapat di-jalankan di-sebabkan keadaan perdagangan dunia yang me-rosot. Bagaimanapun perkara itu juga akan dapat di-kaji semula dalam jangka masa dua tahun apabila keadaan ekonomi dunia bertambah baik.

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Zakaria sa-terus-nya mengulas mengenai usaha untuk mempelbagai-jeniskan ekonomi Brunei dengan menekankan bahawa per-

kara itu sa-memang-nya akan di-teruskan dan Kerajaan memang mengambil perhatian berat.

Kata-nya, beberapa projek sudah pun di-mulakan ia-itu ranchangan ternakan lembu dan ranchangan2 pertanian lain yang di-harapkan akan dapat dilihat hasil-nya dalam beberapa tahun akan datang. Namun begitu ranchangan tersebut tidak dapat di-segerakan kerana semua projek itu ada-lah di-miliki oleh pihak swasta.

Menjawab bagi satu pertanyaan lain supaya di-tubuhkan satu badan jawatankuasa pengkaji bagi setiap ranchangan2 kemajuan, Yang Berhormat itu menerangkan bahawa Kerajaan sudah pun menubuhkan jawatankuasa yang di-maksudkan.

Badan ini tambah Yang Berhormat itu, ada-lah bertugas untuk mengkaji setiap tahun tentang projek2 Kerajaan atau pun projek2 persendirian. Jawatankuasa ini juga bertugas untuk menghadapkan sokongan2 dan chadangan2 kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi tindakan yang perlu.

Menyentuh dengan bantuan2 Kerajaan kepada peniaga2 bumiputera, YB Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Zakaria menjelaskan bahawa Kerajaan telah pun mengambil langkah2 demikian bukan sahaja sa-takat memberi pinjaman kewangan bahkan memberi bantuan2 teknikal kepada mereka yang memerlukan-nya.

YB Dato Seri Laila Jasa menambah lagi, Kerajaan akan memberi apa jua jenis bantuan yang diperlukan asalkan ia-nya bersesuaian.

ANGLO-BRUNEI TREATY OF FRIENDSHIP AND COOPERATION SIGNED

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei and Britain on Sunday officially signed the Anglo-Brunei treaty of friendship and cooperation under which Brunei will assume its full international responsibility as a sovereign and independent country in December 1983.

The treaty was signed at 2.00 p.m. local time at a ceremony held at the Lapau here by His Highness the Sultan Sir Muda Hassan Bolkiah Muizzaddin Waddaulah for Brunei and Lord Goronwy-Roberts, a Minister at the Foreign and Commonwealth Office, for Britain.

Present at the historical event was a member of the British royal family, Prince Michael of Kent, who arrived

here in the morning specially for the ceremony.

Prince Michael who left the State yesterday was the first member of British royalty to visit Brunei since Her Majesty the Queen's trip in 1972.

His Highness the Sultan and Lord Goronwy-Roberts, who initialled the treaty in London last September, were followed in the signing on Sunday by Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien and the British High Commissioner Mr. Arthur Watson, as witnesses on behalf of the Brunei and British governments respectively.

They were in turn followed by fifteen witnesses who signed on behalf of the Brunei Government.

The fifteen were the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah; the YTB General Adviser, POK Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; the Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin; YTM Seri Paduka Pengiran Pemanah; YAM Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibon Nabalang Pengiran Haji Damit; YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; the State Secretary, POK Laila

Wijaya Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz; the Attorney-General, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin; the State Financial Officer POK Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee; the Commander of RBMR, Brigadier Dato Norman Roberts; the Constitutional Adviser, Dato Paduka Charles Cooke; the Chairman of PSC, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman; Dato Temenggong Dato Seri Paduka Lim Cheng Choo; the State Religious Affairs Officer, POK Ratna Diraja Dato Seri Utama Haji Mohd. Zain; and a member of Legco, OK Pekerma Dewa Awang Lukan.

In a speech after the signing, Lord Goronwy-Roberts spoke of the existing close relations between Brunei and Britain and of personal contacts between the peoples of the two countries.

He said Britain had noted how concerned His Highness was about the welfare of his people.

Britain, he said, would respond by continuing to play an important role in the period leading up to independence and by fostering closer relations with Brunei after 1983.

His Highness, in his speech from the throne, reiterated how independence would bring

greater responsibilities for Brunei and would be a challenge for the small nation.

His Highness pledged that the Government would do everything it can towards preparing for that historical moment.

His Highness ended by thanking government servants for helping in the administration and the British and Brunei security forces for safeguarding security.

Earlier outside the Lapau, Lord Goronwy-Roberts received the royal salute.

Shortly after His Highness arrived, took the royal salute and inspected a guard of honour mounted by officers and men of the Royal Brunei Malay Regiment.

Also present at the signing ceremony were Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah Al-Haj; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Jefri Bolkiah; Yang Amat Mulia Pengiran Cheterias; Pehins; members of the Legislative Council; community leaders; and senior government officials.

The entire ceremony was broadcast live by Radio Television Brunei with a repeat showing the same evening for those who missed it in the afternoon.

Lord Goronwy-Roberts' speech will be published in full next week.—Editor.



Prince Michael of Kent (left) talking to the Perdana Wazir Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mohammed Bolkiah who was among the state dignitaries welcoming the Prince at the Brunei International Airport.

Datin Masni the first woman to get a Masters Degree

BANDAR SERI BEGAWAN. — The State Bacteriologist, Datin Masni bte Haji Ali, has become Brunei's first woman to be

awarded a Masters Degree.

The good news has been received from the University of London, where Datin Masni on a Brunei Government scholarship pursued a two-year course leading to a Masters Degree in Medical Microbiology.

Datin Masni, who is married to the Attorney-General, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, first gained her Bachelor of

Science degree from the University of Surrey in the United Kingdom in 1970 and on her return home was appointed State Bacteriologist.

Four for courses overseas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Four officers of the Royal Brunei Police Force last week left the State to attend training courses overseas.

They were Assistant Superintendent Sim Boon Kiat, Senior Inspector Dato Joseph Yong, Inspector Pehin Datu Dermasakti Dato Paduka Haji Abdul Rajak bin Abdullah and Inspector Awang Abdul Rahim bin Haji Mohammad Noor.

ASP Sim Boon Kiat will attend a three-month course at the Federal Bureau of Investigation (FBI) National Academy at Quantico, Virginia in the United States.

He is the fourth police officer from Brunei to attend the course.

The three inspectors will be attached to the Hendon Metropolitan Police College in the United Kingdom where they will attend a five-month course on general police duties.

Two attend courses in Singapore

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two Assistant Lecturers at the Seri Begawan Religious Teachers College here left for Singapore last week to attend a course on teaching methods.

Awang Abdul Rani bin Ahmad and Dayang Siti Aminah binte Haji Mohammad Yassin will be attached to the Institute of Education for about six months.

During the course they will also visit the various teaching institutions in the republic.

Course for youths with agriculture in mind

SINAUT. — Youths who are interested in a career in agriculture are invited to enroll for a two-year course at the Agriculture Training Centre here.

The Agriculture Department which is offering the course says the applicants must be Brunei subjects belonging to one of the indigenous groups and have passed at least Form Three in Malay.

Successful applicants will be provided with free food and lodging, and uniforms plus a monthly allowance.

Those wanting to attend the course should contact the agriculture officers in their respective districts for further details before registration closes on February 4.

AN important policy decision was taken during the year whereunder the Agriculture Department will become responsible for the growing of rice on a quasi-commercial basis. Soil surveys and analyses have been completed in one area and are being carried out in two others. It is anticipated that the first crop will be harvested in the latter half of next year and that gradually the State will become independent of the import of this basic foodstuff. The growing of rice is dependent on an adequate system of drainage and irrigation and this work in the potential rice growing areas is being undertaken by the Public Works Department as a separate but co-ordinated development scheme.

Traditionally, rice has been grown hitherto by small farmers, mainly for their own needs and the Government is continuing to assist and encourage them by providing fertilisers, pesticides and insecticides at subsidised prices, by helping with the construction of drainage and irrigation canals and in providing technical and mechanical aid.

Other developments in the private Agricultural sector have been the establishment of Tapioca, Castor Oil and Coconut plantations and the building of a Feedmill factory. Every encouragement is given

Development schemes proceed satisfactorily

THE following is the last part of the Budget Speech by the State Financial Officer, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee at the 16th session of the Legislative Council.

to such development of agricultural resources.

The development of a cattle breeding industry has been given initial impetus by the formation of a private company, McFarm Limited, which is owned by the Mitsubishi Corporation. The Government is cooperating in the project which involves the development of a cattle herd in the Gadong/Tunku area. In addition, the Government is investigating the possibility of an operation on a much larger scale in the Labu District of Temburong.

Government schemes financed through the Development Fund are proceeding satisfactorily and I will touch briefly on some of them.

There is a comprehensive road programme in the present plan consisting mainly of the upgrading of existing roads and the building of link roads. These will give access to new areas and assist with the flow of traffic which continues to increase. The principal new road will be along the coast from Muara to Tutong. Its construction is being carried out in two parts, namely from Muara to Jerudong and from Jerudong to Tutong. The contract for the Muara/Jerudong section has been let and work is in hand.

The hangar at the International Airport which will be capable of accommodating wide-bodied aircraft such as the Boeing 747 is under construction, and when completed will afford enhanced engineering and administrative facilities for the Government Airline. The Airport is also being equipped with a radar system

to ensure the maximum safety of aircraft.

The present plan includes provision for improved telecommunications services. New exchanges are being built and cables installed to meet the demand for telephones. The major project of constructing an earth station to permit of international communication by satellite is well advanced and will eradicate the shortcomings of the present system of overseas calls.

The new studios for the television service have been virtually completed and will enable the present programmes already of a high technical standard to be expanded. An Educational Television Service was introduced during the year and is proving to be an important item in school curricula.

The new hospital at Kiulap is taking shape. The earthworks have been completed and work has now commenced on the first stage of the buildings. The present hospital is much too small and doctors and other staff are necessarily having to work under cramped and unsatisfactory conditions. It is hoped that the new building will be a model of its kind and enable the medical service to be developed to its full potential.

New public buildings such as the High Court, and Government offices are in the design stage and the completion of living quarters for Government officers in all Districts is proceeding satisfactorily.

The Sungai Tutong and Sungai Belait Water Schemes which will result in adequate supplies of water are pro-

gressing satisfactorily and their completion will end the inevitable rationing which occurs at certain times of the year.

Civil engineering works for the football field and running tracks and drainage for the new stadium have been completed. Designs for the grandstand have been drawn up and are under consideration. This most important facility will be welcomed by athletes, players and spectators alike.

Plans are already in hand for the drawing up of the next Development Plan and it is being so formulated that development work will continue without hiatus. In this way Government spending will be maintained at a consistent level and the depressive effect on the private sector of a cessation of such spending will be avoided.

In this brief review I have endeavoured to inform Honourable members of the financial effects of the steps being taken to ensure the well-being, security and contentment of the people. In a world where so many developing countries are facing economic hardship in varying degrees up to the ultimate disaster of war and famine, it is extremely gratifying that the Government of His Highness the Sultan and Yang Di-Pertuan has been able to arrange the orderly progress of development and economic growth in an atmosphere of peace and harmony. I trust that when history is written we shall not have been found wanting in our stewardship of the country's wealth.

I should therefore like to move, Sir, that the Bill entitled "An Enactment to apply a sum out of the Consolidated Fund for the service of the year 1979 and to apply the said sum for certain purposes" may be read a second time.

Three die in road accident

BANDAR SERI BEGAWAN. — Three people were killed last Tuesday in what was the year's first serious road accident in the State.

The dead men were Bakri bin Haji Lahid, Bahar @ Sulaiman bin Budin and Mohammed bin Ismail.

They died at the General Hospital here shortly after being involved in a head-on collision at Mile 14 Jalan Tutong between their two cars.

The fourth victim of the accident was admitted at the hospital in a serious condition.

APABILA saja sa-seorang yang mempunyai harapan yang tinggi, tiba2 ia gagal untuk mendapatkan sa-bagaimana yang di-harap2kan dan di-idam2kan-nya, yang di-sebabkan oleh sesuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan-nya, maka timbul-lah satu perasaan yang di-namakan putus harapan ataupun putus asa. Ekoran dari itu timbul pula satu penyakit yang di-namakan patah hati dalam melangsungkan sesuatu usaha dan ikhtiar, untuk mencapai yang di-chita2kan. Ini berpuncha dari kelemahan jiwa dan tidak terupaya dan mampu untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Hasil dari itu akan timbul-lah berbagai2 masaalah yang berputar ligat di-fikiran-nya. Dengan sebab itu-lah fikiran akan sering terganggu sehinggakan memikirkan sesuatu yang tidak patut dan manasabah. Juga akan terlintas di-fikiran-nya, bahawa diri-nya itu tidak lagi menyamai dengan diri orang2 yang lain. Pada hal, hal2 serupa itu ada-lah khayalan semata-mata, yang akan menambahkan bebanan pemikiran-nya.

Dan lebeh jauh dari itu lagi, ada yang sanggup dan rela untuk mati dari menghadapi kesusahan, kepayahan dan kegagalan yang sedang melanda-nya, akibat dari putus di-tengah jalan. Ini-lah suatu sikap dan perasaan yang

lemah sa-hinggakan tidak sanggup untuk menghadapi kenyataan.

Dalam sa-buah Hadith yang telah di-riwayatkan oleh Bukhari, Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang maksud-nya kira2: "Jangnan ada sa-orang di-antara kamu mengharap-harap mati kerana di-timpa sesuatu kemalangan, sa-andai-nya ia terpaksa berbuat begitu, berdo'a-lah kapada Allah: Ya Tuhan, lanjutkan-lah usia ku, sekira-nya hidup ku ini akan membawa kebaikan bagi ku atau habiskan-lah nyawa ku ini, sekira-nya kematian ku itu ada-lah lebeh baik bagi ku."

Dengan berpanduan Hadith tersebut terang-lah kapada kita tentang lara-

KETENANGAN AMAT PERLU UNTOK MENGHADAPI CHABARAN HIDUP

ngan meminta lekas mati, akibat tidak terupaya menanggung bebanan. Jika sekira-nya kita terpaksa berbuat begitu baru-lah kita di-suroh memohon do'a sekira-nya kematian itu ada-lah lebeh baik.

Sebenar-nya semua apa yang di-timpakan ka-atas diri kita itu ada-lah sa-bagai chubaan dan dugaan Allah semata-mata. Ia mahu melihat sejauh mana dan setakat mana keupayaan kita menghadapi segala ujian dan dugaan-Nya itu. Ada-kah kita akan mampu untuk menghadapi-nya atau sebakal-nya. Dan ingat-lah bahawa bukan kita sa-orang saja yang di-timpakan kesusahan yang di-sebabkan oleh gagal di-tengah jalan ini, bahkan ia akan di-timpakan juga kapada

orang lain.

Sepatut-nya, kita hendak-lah menghadapi-nya dengan penoh kesabaran dan ketabahan serta dengan hati yang rela, tanpa ada-nya nada2 sungutan yang tak puas hati dan keloh kesah. Dan mungkin, dengan terhenti-nya kita di-tengah perjalanan itu, ada-lah suatu perkara yang lebeh baik, mana-lah tahu barangkali kalau tidak dengan sebab terhenti-nya tadi, kita akan menghadapi sesuatu yang lebeh hebat lagi.

Jadi-nya, dengan kesabaran kita menghadapi dugaan itu nanti, kita akan mendapat balasan yang baik dari Allah s.w.t. serta kita akan di-pandang dan di-anggap sa-bagai orang yang menang. Allah s.w.t. telah berfir-

man dalam Surah Al-Mukminun, ayat 111 yang maksud-nya kira2: "Se-sungguh-nya pada hari itu Aku berikan balasan kebaikan mereka, di-sebabkan kesabaran itu. Se-sungguh-nya mereka itu orang2 yang menang". Begitu-lah gambaran orang2 yang tahan menahan sabar.

Ketahui-lah kita hidup ini tidak semesti-nya akan senang lenang buat selama-lama-nya, tentu-nya akan di-singgahi oleh sesuatu yang mungkin kita tidak merestui-nya. Dan apabila telah di-singgahi-nya, maka tentu-nya ia juga akan beredar, sebab ayer itu tidak semesti-nya akan pasang buat salama2-nya, tentu ada juga surut-nya.

**Bingkisan
minggu
ini**

Memelok Ugama Islam

SATU majlis pengislaman ka-atas satu keluarga Iban sa-ramai 12 orang di-ketuai oleh Ketua Rumah Panjang Supon Kechil di-Daerah Tutong telah di-adakan pada malam 28hb Disember lalu di-rumah panjang tersebut.

Majlis yang di-kendalikan bersama oleh Pejabat Daerah, Pejabat Ugama dan Batalion Kedua AMDB serta Jabatan Perisik dan Keselamatan itu telah di-hadiri oleh Pegawai Daerah Tutong dan Pegawai2 Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama serta rombongan

pegawai2 dan kakitangan pejabat2 di-Daerah Tutong. Pengislaman Awang Jam-bu anak Geliga yang memileh nama Islam-nya sa-bagai Awang Mohd Jamaluddin bin Abdullah. Ketua Rumah Panjang Supon Kechil berserta isteri dan anak2-nya itu telah di-lakukan oleh Pegawai Ugama Kanan, Awg Haji Abu Bakar bin Haji Tengah; Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awg Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman; Imam Masjid Hassanah Bolkiah Tutong, Awg Johari bin Abd Hamid dan Orang Kaya Pe-

kerma Indera Haji Jili bin Ibrahim.

Ahlil2 keluarga saudara baru itu masing2 telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Sal-mah bte Abdullah, 40 tahun (isteri); Mahani bte Abdullah, 70 tahun; Mohd Zaman bin Mohd Jamaluddin, 19 tahun; Aziman, 18 tahun; Arman 16 tahun; Irwan, 13 tahun; Azlan, 10 tahun; Suzaiton, 8 tahun; Burhan, 2 tahun; Amran, 5 bulan; dan Mardiana bte Abdullah, 14 tahun (anak saudara Mohd Jamaluddin).

Dalam majlis itu juga be-beberapa ucapan telah di-sampai-kan, antara-nya ia-lah ucapan Pegawai Daerah, Awg Hj Yahya bin Haji Harris dan Penguasa Penerangan dan Tabligh Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman. Majlis malam itu di-akhiri dengan majlis berdirir beramai2.

Sementara itu baru2 ini juga di-ibu negeri sa-ramai 3 orang lagi telah memelok ugama Islam.

Jit Bahadur Chetri, 40 tahun, berbangsa Gurkha berasal dari Nepal, kini di-kenali sa-bagai Md Azis bin Abdullah.

Sementara pemuda Iban, Salleh anak Tibu, 26 tahun, berasal dari Kuching, Sarawak, telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Salehuddin bin Abdullah. Kedua2 mereka ini menjajani pengislaman-nya di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Manakala Dickson Sawing anak Bubu, 31 tahun, berasal dari Mukah, Sarawak, telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd Salleh bin Abdullah dalam satu majlis pengislaman yang berlangsung di-rumah Chegu Pg Tajuddin bin Pg Bakar di-Kampung Sungai Hanching, Jalan Muara.

Ketiga2 saudara baru itu telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimulia-kan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg Hj Ismail bin Mat Serudin.



KELIHATAN Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman (kanan) berucap sa-jurus sa-lepas menyempurnakan pengislaman saudara2 baru itu.



GAMBAR memperlihatkan sa-bahagian dari saudara2 baru yang telah melangsungkan pengislaman mereka di-majlis tersebut. (Gambar JHEU).

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 10hb Januari, 1979 hingga ka-hari Selasa 16hb Januari, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
10hb Jan.		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
11hb Jan.		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
12hb Jan.		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
13hb Jan.		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
14hb Jan.		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
15hb Jan.		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
16hb Jan.		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18	6.35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



GAMBAR kelihatan YDM Pehin Datu Indera Negara Dato Paduka Lt. Kol. Mohd Ariffin, Pegawai Pemerintah Pusat Latihan AMDB di-Perkhemahan Bolkihah yang mengesahkan upacara menanda-tangani kemasukan anggota2 pasukan itu sedang menyaksikan penanda-tangan dari salah sa-orang penjaga.

SA-RAMAI 31 orang penuntut dari beberapa buah sekolah menengah dan maktab yang lulus tingkatan tiga di-seluruh negeri mulai 1hb Januari yang baru lalu telah memulakan kursus mereka untuk selama tiga tahun dalam Pasokan Askar Muda AMDB.

Pasokan tersebut yang baru di-tubuhkan buat pertama kali-nya oleh AMDB telah memulakan pengambilan rekrut2 perintis-nya sejak bulan Oktober tahun lalu dengan mendapat sambutan yang menggalakkan dari penuntut2.

Dan pada hari Jumaat yang baru lalu penuntut2 itu dengan di-sertai oleh ibu-bapa serta penjaga masing2 telah melakukan penanda-tangani bagi memasuki pasokan itu di-bangunan berkenaan.




GAMBAR ini pula menunjukkan penanda-tangan dari pengakuan salah sa-orang anggota baru pasokan itu dengan di-saksikan oleh Pegawai Pemerintah Pusat Latihan dan bapa kepada anggota berkenaan.

PASOKAN ASKAR MUDA AMDB MULAKAN KURSUS



PERWIRA WATAN



INI-LAH sa-bahagian dari anggota2 baru Pasokan Askar Muda AMDB yang berjaya terpilih untuk menganggotai pasokan tersebut buat pertama kali-nya ia-nya di-tubuhkan, kelihatan dalam gambar di-atas ini juga ia-lah kehadiran ibu-bapa serta penjaga anggota2 berkenaan di-upacara menanda-tangani kemasukan mereka. Manakala gambar sa-belah ibu-bapa serta penjaga di-beri kesempatan untuk menyaksikan dan memerhati keadaan asrama anak2 mereka sepanjang akan mengikuti berbagai2 kursus dalam pasokan tersebut dan gambar bawah menunjukkan bangunan pasokan tersebut yang terletak di-Perkhemahan Bolkihah, dan dari bangunan ini-lah nanti di-harapkan tertubuh-nya maktab tentera bagi mendidik serta melatih belia2 kita untuk membela nusa dan bangsa Brunei Darussalam di-hari muka dengan chukop ilmu pengetahuan dan didekan.



DERMA DARAH

SA-RAMAI kira2 40 orang pegawai dan anggota Pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB yang berpangkalan di-Muara baru2 ini telah melakukan pendermaan darah kepada Tabong Darah Negeri Brunei. Kerja2 melakukan pendermaan itu telah di-adakan di-Pusat Kesihatan pasokan itu oleh kaki-tangan pengambilan darah Tabong Darah. Gambar menunjukkan kerja2 pemeriksaan darah dari penderma2 sedang dilakukan oleh kaki-tangan pengambilan darah Tabong Darah.



Sertai latihan

PASOKAN 'D' Kompeni Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei pada 8hb dan 10hb ini akan bertolak ka-Hongkong untuk menyertai latihan tentera yang di-beri nama 'MOUNTAIN WARRIOR'.

Rombongan itu akan diketuai oleh YDM Pehin Datu Perkasa Mejar Dato Seri Laila Jasa Ishak bin Haji Abdul Hamid, Pegawai Memerintah 'D' Kompeni dan mereka akan berada di-sana sehingga 26hb Januari depan.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 10HB. JAN.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK — "Tomorrow is Yesterday"
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE PAPER CHASE — "The Man Who Could be King"
- 7.42 AZAN ISHA
- 7.46 THE PAPER CHASE — sambongan
- 8.00 BEWITCHED — "Man Of The Year"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH
- 9.15 SHOW OF THE WEEK — "Johnny Mathis Special"
- 10.05 GUSTI
- 11.05 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 11HB. JAN.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS — "Rain of Meteors"
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.35 DR. WHO — "The Ark In Space"
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 HOW THE WEST WAS WON — Ranchangan terakhir dalam siri ini yang mengesahkan tentang keluarga Macahan.
- 7.43 AZAN ISHA

- 7.47 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
- 8.00 HIDAYAT
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 DOKUMENTARI MELAYU: "Queen of the Cascades"
- 9.15 FILEM MELAYU
- 11.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 12HB. JAN.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 AL-KESAH
- 5.45 CLOPPA CASTLE — "No Laughing Matter"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.35 C.B. BEARS
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 TELEMATCH
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 TELEMATCH — sambongan
- 8.00 DICK EMERY — sa-kali lagi kita bersama2 Dick Emery dan rakan2-nya, sa-tengah jam dalam siri komedi ini.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 DAVID NIXON MAGIC SHOW
- 9.30 QUINCY — "Holding Pattern" Pengganas2 politik menahan penumpang2 sebagai orang2 tebusan dalam sa-buah kapal-terbang yang di-rampas dan mereka enggan menerima amaran dari Quincy bahawa mereka semua ada-lah terdedah kepada sa-jenis kuman virus yang boleh membawa maut.
- 10.20 NIGHT GALLERY
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SABTU — 13HB. JAN.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.35 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 DALLAS — "Digger's Daughter" Siri ini mengesahkan tentang keluarga Ewing yang kaya dan mereka memperoleh kekayaan mereka dari perniagaan2 minyak dan sapi. Siri ini juga mengesahkan tentang anak lelaki bungsu mereka yang membawa balek sa-orang isteri, anak kapada musoh lama bapa-nya, dan sungguh memeranjatkan seluruh keluarga mereka.
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 DALLAS — sambongan
- 8.00 GURAU SENDA
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH
- 9.15 STARKY AND HUTCH
- 10.05 PREMIER SOCCER
- 10.55 SATURDAY MOVIE — "When Michael Calls" Kesah menyeramkan mengenai panggilan telefon dari sa-orang kanak2 yang telah mati sa-mata2 untuk menuntut bela atas kematian ibu-nya.
- 12.20 SIARAN TAMAT.

AHAD — 14HB. JAN.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Books"
- 5.45 DAISY DAISY
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 HOW — Menyambong kesah minggu ini dimana sa-kumpulan orang2 yang berpengalaman menerangkan sa-bilangan besar mengenai dengan perkara2 yang menarek pada sa-tiap minggu.
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.35 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "Sailor on a Horse" Dalam pengembaraan yang misteri ini, satu keluarga chuba untuk menyelamatkan sa-orang anak muda dari ter-tipu.
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 PROJECT U.F.O.
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 PROJECT U.F.O. — sambongan
- 8.00 THE ROLF HARRIS SHOW
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MUTIKA
- 9.30 DRAMA: RED LETTER DAY — "For Services To Myself" Roger Banks, sa-orang pensharah di-sa-buah Maktab, telah di-anugerahkan gelaran OBE. Ramai penduduk di-situ berasa gembira dengan gelaran itu, tapi perjalanan ka-London untuk menemui Queen membuat ia terpaksa meneliti lagi tentang hidup dan perkerjaan yang telah di-buat-nya.
- 10.20 THE COLLABORATORS — "When A Man is Down" Bekas sa-orang polis, Russ, merancang untuk membuat rompakkan, tetapi ranchangan-nya itu telah menjejaskan diri-nya sendiri dan mendapati diri-nya telah terperangkap di-antara sedikit jenayah dan polis.
- 11.10 SIARAN TAMAT.

ISNIN — 15HB. JAN.

PETANG

- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 MAYA — "Blood of The Tiger" Siri baru bagi kanak2 yang mengesahkan tentang sa-orang budak Amerika yang mencari bapa-nya yang telah hilang. Turut bersama-nya ia-lah sa-orang budak India dan sa-ekor gajah.
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.35 MAYA — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 CHARLIE'S ANGLES — "Angels in Vegas" Ranchangan pertama dalam siri baru.
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 CHARLIE'S ANGLES — sambongan
- 8.00 SKILFUL SOCCER
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH
- 9.15 HAWAII FIVE O — "How To Steal A Masterpiece"
- 10.05 WINGS — "The Prisoner's Friend"
- 10.55 SIARAN TAMAT.

SELASA — 16HB. JAN.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA



JOHNNY Mathis (gambar atas) ada-lah bintang dalam SHOW OF THE WEEK minggu ini. Beliau telah di-anggap oleh para pengkritik sa-bagai "penyanyi yang paling romantik di-dunia". Gaya dan watak tersendiri Mathis begitu mempesonakan peminat2-nya sa-lama lebih dari dua puluh tahun. Dalam pertunjukan perseorangan-nya ini yang dirakamkan sa-lepas satu pertunjukan di-Britain yang begitu berjaya, Johnny Mathis menden-dangkan sa-banyak empat-belas buah lagu — ada di-antara-nya lagu2 pujaan ramai dan juga lagu2 baharu.

- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 NANCY DREW AND HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
- 8.00 SERIKANDI
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 ARENA SOKAN
- 9.25 THE PROFESSIONALS — "When The Heat Cools Off" Sa-orang gadis yang menarek telah meminta Doyle untuk menyasat semula tentang kes bapa-nya. Dia telah di-penjara sa-lama tujuh tahun atas tuduhan membunuh sa-orang pegawai polis.
- 10.15 WORLD OF SURVIVAL — "Orangutan: Orphans of the Forest" Tidak hairan jika di-katakan paling sedikit 5000 orangutan yang tinggal di-hutan Borneo dan Sumatra. Ranchangan ini akan memberikan le-beh lanjut lagi tentang pengkajian mengenai orangutan yang pernah di-filemkan.
- 11.05 SIARAN TAMAT.



JACLYN Smith (atas) berlakon sa-bagai Kelly Garrett dalam siri "Charlie's Angels" yang terbaharu pada hari Isnin jam 7.10 malam.

Siri yang penuh dengan aksi ini mengikut kegiatan tiga orang penyiasat wanita yang jelita, bekerja pada Charlie, ketua sa-buah firma penyiasatan yang kaya raya tetapi tidak dapat di-lihat orang-nya.

PERTANDINGAN MUTIKA '79 SUKU AKHIR SIRI NO: 2

Tarikh siaran: 14-1-1979

TUJOH orang peserta akan bertanding dalam bahagian suku akhir MUTIKA '79 yang kedua. Mereka ada-lah seperti yang AWDA dapat saksikan dalam gambar di-sebelah ini. Dua diantara mereka akan di-tentukan oleh para hakim yang di-lantek untuk memasoki pusingan separoh akhir dan peserta yang ketiga ada-lah pilihan AWDA sendiri.

Beserta ini kami sediakan satu petak kosong bagi AWDA memilih siapa-kah PESERTA YANG KETIGA yang layak yang AWDA chalonkan memasoki pusingan separoh akhir nanti. AWDA hanya di-kehendaki membubuh Nombor saja ka-dalam petak yang kosong, dalam Borang yang di-sediakan.

Pilihan AWDA mesti-lah sampai kepada Penerbit MUTIKA '79 tidak lewat dari hari Sabtu 20hb Januari, 1979 jam 3.00 petang.



1. Morris Lynn



2. Md. Arrifien Md. Taib



3. Zaliha Azmad



4. Haji Mustafa Md



6. Md. Rosli A. Bakar



7. Fatimah Haji Md. Salleh

PENERBIT MUTIKA '79
RADIO TALIVISHEN BRUNEI,
BANDAR SERI BEGAWAN,
BRUNEI.

MUTIKA '79 SUKU AKHIR
SIRI NO:

Saya (Nama penuh):

Alamat penuh:
memilih peserta yang di-nyatakan dalam petak
memasoki ka-pusingan separoh akhir.

NO:

Tarikh:

SIRI DRAMA BARU "DALLAS"



Pelakun2 utama siri Dallas

SA-BUAH siri drama baharu yang menarek bertajok 'Dallas' di-mulakan pada hari Sabtu ini jam 7.10 malam.

Drama ini mengisahkan tentang keluarga Ewing yang kaya dan mereka memperoleh kekayaan mereka dari perniagaan2 minyak dan sapi. Dalam episod pertama dengan tajok "Digger's Daughter", Bobby Ewing, anak lelaki bungsu keluarga ini, memeranjatkan seluruh keluarga apabila ia membawa bales sa-orang isteri. Wanita itu ia-lah Pamela, anak gadis kapada musuh lama

bapa-nya. Bobby juga berhasrat untuk mengambil peranan yang lebih penting dalam perjalanan urusan perniagaan keluarga-nya. Tentu sekali penunton2 akan dapat mengenali Bobby Ewing — ia-nya di-lakunkan oleh Patrick Duffy, yang memegang peranan sebagai Mark Harris dalam siri "The Man From Atlantis", yang di-tayangkan di-RTB tidak berapa lama dulu.

Gambar atas keluarga Ewing dari siri drama yang baharu bertajok "Dallas".

THE WORLD OF SURVIVAL — Orangutan: Orphans of the Forest

SEMEMANG-NYA terdapat tidak lebih dari 10,000 dan kemungkinan hanya 5000 ekor orangutan yang masih ada di-hutan belantara Borneo dan Sumatra. di-kedua2 tempat ini sahaja-lah di-dunia ini di-mana ujud-nya orang2 utan liar pada masa kini.

Terdapat beberapa buah pusat pemeliharaan di-mana orangutan2 di-tangkap sa-chara haram yang diambil sa-bagai binatang peliharaan, atau untuk dijual di-luar negeri. di-didek untuk menjadi berok2 liar semula. Ini-lah kesah mengenai salah sa-buah pusat2 ini. di-Bohorok, di-hutan belantara Sumatra. Bohorok di-mulakan dan di-kendalikan sa-lama tiga tahun yang lampau oleh dua orang gadis Swiss yang jelita. pakar2 ilmu haiwan masing2 bernama Monica Borne dan Regina Frey. Dalam waktu itu, gadis2 itu berjaya mengesan sa-banyak lima puluh ekor orangutan2 yang telah di-tangkap. seringkali di-simpan sa-bagai simbol kedudukan oleh pegawai2 tinggi Indonesia.

Rancangan "Survival Special" ini yang akan da-

pat di-saksikan di-RTB pada hari Selasa 16hb Januari ada-lah satu pengkajian yang chukop menyeluruh dan mendalam mengenai orangutan yang pernah di-gambarkan. Orangutan2 ini di-perlihatkan sa-bagai binatang yang sungguh menarek dan begitu menyukakan di-bumi ini, dan mempunyai banyak persamaan dengan manusia, menyebabkan sukar untuk tidak di-buat perbandingan.

Sa-tiap peringkat kerja yang menarek dan bersungguh2 oleh dua orang gadis saintis ini di-perlihatkan — dari penjagaan sejak kecil lagi: penangkapan orang2-utan liar yang dewasa di-bahagian2 hutan yang ditebang pokok2-nya oleh sharikat2 kayu balak. Kerana ini-lah yang merupakan trajidi yang sebenar-nya — bahawa orangutan2 ini telah di-rampas hak perumahan mereka demi kepentingan perdagangan kayu balak. Filem ini merupakan rayuan untuk menyelamatkan hutan2 yang masih ada.

Dokumentari ini di-sampaikan oleh PETER USTI-NOV dan akan dapat diikuti jam 10.15 malam.



"MAYA" SIRI BARU UNTUK KANAK2

SIRI yang menyeronokkan kanak2 ini mengisahkan sa-orang budak lelaki Amerika yang sedang mencari bapa-nya yang hilang. Iktu sa-orang budak lelaki dan gajah peliharaan-pengembaraan mereka ya-bahayakan di-mana penan2-nya telah di-lakukan keseluruhan-nya di-bandi-tan2 dan kampung2 di-luar. Gambar kanan satu dari siri MAYA, sa-buapengembaraan untuk kanak2 ini di-bintangi oleh Jay N. Said Kahn.



5. Noraini Haji Suhaili

Pemilihan pelakun2 drama TV

BELIA2 dan Belia-wanis2 di-Seria dan Kuala Belait akan di-beri peluang untuk menguji bakat dan kebolehan mereka dalam seni drama TV.

Satu Jawatankuasa Pemilih dari RTB akan mengadakan pemilihan itu pada hari Ahad, 21hb Januari ini di-Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait jam 10.00 pagi.

Mereka di-kehendaki melakukan satu dailog pendek yang akan di-bahagi2kan pada hari tersebut. Markah2 akan di-berikan bagi tekanan suara, perwatakan dan peribadi.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Awg Ismail b. Apong, di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Kuala Belait dan Dayang Zainab bte Mohd Said, di-Pejabat Ukor, Kuala Belait.

Tarikh tutup penerimaan borang2 ia-lah pada hari Sabtu, 20hb Januari.

Sementara itu, pemilihan bagi Daerah2 Tutong, Brunei-Muara dan Temburong akan di-laksanakan kemudian.



DATIN Dayang Masni bte Awang Haji Ali (kanan) Pakar Kaji Bakteria Negera, di-Hospital Umum Bandar Seri Begawan, telah menjadi Wanita Brunei Pertama yang lulus ijazah Serjana (Masters) dalam bidang Kaji Hayat Micro Perubatan.

Dalam gambar ini Datin Masni sedang di-temui oleh Dayang Vivianty Ali penerbit ranchangan Bahagian Inggeris (kiri) dan Dayangku Mariam Pengiran Metali (tengah) dari Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei.

"Pintu Hati-nya Sudah Terbuka" — Skerip terbaik bulan Dis. 1978

SKERIP Drama Radio yang bertajuk 'Pintu Hati-nya Sudah Terbuka' yang di-hasilkan oleh Sulaiman A.S. dari Jabatan Penerangan Brunei, adalah di-pilih sa-bagai skerip terbaik bagi bulan Disember, 1978.

Skerip ini, mengisahkan sa-orang pemuda yang berasal dari Rumah Panjang yang dari awal lagi sudah bergaul dengan orang2 Melayu yang beragama Islam.

Dari pergaulan itu, terbit satu perasaan pemuda tersebut untuk menchintai Ugama Islam itu sa-bagai satu chara hidup yang lengkap dan sempurna. Dan akhir-nya pemuda tersebut memelok Ugama Islam.

Apabila di-ketahui oleh keluarga-nya di-kampung pemuda tersebut mendapat tentangan yang hebat dari ayah-nya. Walaupun begitu pemuda tersebut tetap menjadi sa-orang yang berugama Islam dan berchita2 akan mendirikan rumah tangga.

Dengan kenyataan2 dan pengalaman hidup yang di-lalui oleh pemuda tadi sa-bagai sa-orang Islam, maka akhir-nya kedua orang tua-nya pun mengikut jejak langkah anak-nya (pemuda) tersebut.

Mempelajari Bahasa Inggeris Mudah

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei sedang menyiarkan siri ranchangan 'Bahasa Inggeris Mudah' dalam jangka masa 5 minit.

Ranchangan ini di-siarkan sa-tiap hari pada jam 7.45 pagi, dalam ranchangan "Dendang Suria".

Kapada Awda yang tidak berkesempatan untuk mengikutinya, jangan lupa untuk mendengar lagi pada jam 9.00 malam di-hari yang sama.

SERIKANDI MINGGU INI

SERIKANDI minggu ini mengandungi temuramah dengan Dayang Kalsom binte Limat, sa-orang wanita yang bergiat dalam bidang penulisan (saperti kelihatan dalam gambar bawah).

Dalam siri Mari Menjahit pula, Dayang Salihah akan menunjukkan chara bagaimana melukis pattern untuk membuat baju kebaya.

Saperti biasa ranchangan Serikandi akan di-akhiri dengan satu tunjuk-chara masakan yang di-berinama KUEH KUSBAH oleh Dayang Aminah binte Haji Yusof.

Berikut ia-lah resepi dan chara memasak KUEH KUSBAH.

Bahan2-nya :

- 8 biji telur ayam
- 2 chawan gula pasir
- 2 chawan tepung
- Warna mengikut suka
- Minyak pengoreng

Rempah2-nya :

Sedikit ketumbar (di-kisar). Jintan putih di-goreng dan di-kisar. Kelapa di-parut dan

di-goreng dan di-kisar.

Chara2 membuat-nya :

Banchoh-telur dengan gula hingga kembang. Kemudian masukkan tepung dan di-kachau sampai rata.

Kemudian di-bahagi empat. Satu bahagian di-buboh rempah. 3 bahagian tadi di-bahagi dua — satu bahagian di-buboh warna.

Bahagian yang berwarna tadi di-goreng sampai masak.

Kemudian masukkan sa-bahagian yang berwarna tadi dan sa-telah kembang buboh semula lapisan yang berempah tadi dan angkat.

Goreng lagi lapisan berwarna dan buat dua lapis dan di-angkat.

Goreng lagi yang berwarna, bila sudah kembang, buboh dua lapisan tadi.

Goreng lagi warna putih sampai masak dan angkat. Buat lagi sa-lapis dan goreng sampai masak.

**TISARI
rtb
MINGGU INI**



Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruang muda mudi; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Hiboran radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Hiboran pilihan; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristiwa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Teman mekar (SU); 11.00 — Usaha jaya (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukadim; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAT

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45

APA PILEHAN AWDA



AWANG Raub bin Haji Ibrahim, No 54, Kampong Kilanas, Jalan Tutong akan mengisikan ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Dalam ranchangan sa-tengah jam itu, Awang Raub akan memilih tujuh buah lagu untuk hiburan awda pendengar.

Lagu2 pilehan Awang Raub akan dapat di-dengar pada hari Jumaat 12hb Januari, 1979, jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

— Siri mukadim (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Mengenang Zaman Silam; 11.30 — Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG:** 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untuk fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Hiboran radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untuk fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Brunei Graduates (SU); 1.30 — Untok seminggu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran;

6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Mari berpantun; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Hello siapa di-sana. **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruang ketani. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Ruang bertuturan (SU) — Azan asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Majallah shell; 5.00 — Hiboran radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Komintang radio; 6.00 — Buloh perindu (SU) — Azan magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusa-

haan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI:** 12.00 — Komintang radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristiwa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandung malam; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Hiboran radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Ruang ketani (SU) — Azan untuk fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News followed by market prices; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON:** 12.00 — Hits in Germany (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — John Fox presents: The John Fox Orchestra and Singers; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Hot Questions — Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Close Down.**

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon...** we invite you to hop abroad our non-stop musical express; 11.45 — World of Education; **NOON:** 12.00 — My Word. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — International Call; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30 — Radioscope produced by Vivianty Ali; 9.00 — What's Wrong with Me Doctor by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — Before we say goodnight by Ak. Hisham; Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.**

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News followed by market prices; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close

Down. 11.00 — Opening Announcement — Calling On You by Sheikh Abbas. NOON: 12.00 — Radioscope produced by Vivianty Ali. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Does the Team Think? 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — George Benson in L.A. (Part 1); 8.30 — Dr. Finlay's Casebook; 9.00 — Light Music From The Netherlands; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — A Date with Bonnie Tyler; 10.00 — Close Down.**

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Dr. Finlay's Casebook (repeat); 11.30 — From Ticker, Tape and Telephone. NOON:** 12.00 — Stringsound. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Door to Opportunity by Jaafar Yaakub (repeat); 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.15 — News; 9.30 — Top of the Pops; 10.00 — Close Down.**

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Children's Half-Hour produced by Veronica Shim; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. NOON:** 12.00 — News; 12.45 — Hot Questions — Cool Replies produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — The Musical Diary produced by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — 82nd**

Season of Henry Wood Promenade Concert; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Behind the News produced by Jaafar Yaakub; 10.00 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News followed by market prices; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round — an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure; 11.45 — Perspective. NOON:** 12.00 — Dad's Army. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Science Pop by Shirley Don; 1.15 — Door to Opportunity by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Science Journal; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Thirty-Minute Theatre: "Love in Triplicate" by Robert Storey; 10.00 — Close Down.**

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — International Sports Magazine. NOON:** 12.30 — 'A-Pickin and A-Grinnin' — The History of Country Music. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with Me Doctor by Shirley Don (repeat); 1.00 — Hello Tomorrow; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special featuring "The Byrds Reunion Special" (Part 2); 8.30 — It's All Yours by Veronica Shim; 9.00 — Man in a Changing World; 9.15 — News; 9.30 — Melody Time; 10.00 — Close Down.**



Awang Abdul Rahman.

Ketua Kampong Batu Marang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan lantikan Awg Abdul Rahman bin Haji Naim Haman sa-bagai Ketua Kampong Batu Marang di-Daerah Brunei-Muara. Lantikan Awg Abdul Rahman bermula pada 1hb Nobember, 1978.

Ketetapan harga kereta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi yang juga Pengawal Harga Brunei, Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie menyatakan bahawa harga kereta jenis Datsun telah turun di-dasarkan kepada nilai matawang Jepun dalam bulan Disember, 1978 yang lalu dengan kadar pertukaran B\$1.1280 bagi 100 yen Jepun. Beliau juga menyatakan bahawa perundingan2 dengan sharikat2 penjual kereta lain di-negeri ini juga sedang di-jalankan berhubung dengan penurunan harga kereta Sharikat Datsun itu. Segala keraguan orang ramai berhubung dengan penjualan kereta di-negeri ini, boleh-lah berhubung dengan Pejabat Peranchang

AHLI J-KUASA BARU PERSATUAN AKSE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Kampong Setia — AKSE telah mengadakan mashuarat agong-nya yang ke-empat pada 31hb Disember yang lalu. Sa-lain dari membincangkan beberapa agenda, mashuarat tersebut juga telah memilih ahli2 jawatankuasa tadbir bagi tahun 1978 — 79. Awang Marzuki bin Haji Salleh telah di-pilih sa-bagai Yang Dipertua, sementara Che'gu Bidin bin Ibrahim sa-bagai timbalan-nya. Setia Usaha Agong ialah Awang Ramlee bin Haji Bakir dan Awang Aspawi bin Abd Latif sa-bagai timbalan-nya. Bendahari Agong ialah Awang Serkawi bin Haji

Salleh dan timbalan-nya ialah Che'gu Ismail bin Haji Tengah. Lain2 ahli2 jawatankuasa yang di-pilih ada-lah seperti berikut: Ketua Kebajikan: Awg Serbini bin Abu Bakar dan Che'gu Asbol bin Haji Mail sa-bagai timbalan-nya; Ketua Penerangan/Pelajaran: Awang Merali bin Timbang dan Che'gu Damit bin Haji Metassan sa-bagai timbalan; Ketua Kesenian dan Kebudayaan: — Awang Rosden bin Haji Bakir dan Awang Haji Tafa bin Haji Haris sa-bagai timbalan. Ketua Sokan: — Awg Jali bin Haji Nassir dan Awang Mohd Noor bin Haji Salleh sa-bagai timbalan; Ketua Pelanchongan: — Dirangkap oleh Yang Dipertua dan Awg Kassim bin POKSS Haji Ali sa-bagai timbalan; Ketua Wanita: — Dayang Ainah binte Bujang sementara Dayang Siti Hawa binte Budin dan Dayang Siti Nooriah binte Haji Salleh sa-bagai timbalan. Che'gu Haji Laming bin Haji Kamis dan Che'gu Dayang Armah binte Ahmad masing2 di-pilih sa-bagai Pemereksa Kira2.

Kursus Pertanian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian kini mempelawa permohonan2 dari pemuda2 yang chenderong dalam bidang pertanian untuk mengikuti latihan di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut. Kursus yang akan mengambil masa sa-lama dua tahun itu meliputi latihan dalam berbagai2 aspek pertanian termasuk latihan2 praktikal dan amali. Pemohon2 mesti-lah raa-yat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan berketurunan Melayu Asli Brunei, Belait, Bisaya, Kedayan, Murut dan Tutong. Mereka juga mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan Lima Melayu dan berumur di-antara 18 dan 25 tahun. Pemohon2 yang berjaya akan di-berikan tempat tinggal, pakaian seragam, makan dan minum dengan perchuma. Mereka akan di-beri alaan bulanan. Pemuda2 yang berminat untuk mengikuti latihan itu ada-lah di-kehendaki menghubungi Pegawai2 Pertanian di-daerah masing2 untuk mendapatkan keterangan2 lanjut dan borang2 permohonan. Tarikh tutup penerimaan borang2 permohonan ia-lah pada 4hb Februari, 1979.



MANGSA DI-AWAL TAHUN

KELIHATAN dalam gambar ini dua buah kereta yang terlibat dalam kemalangan di-awal tahun 1979 yang mengakibatkan tiga orang terbunuh sa-orang cedera parah sa-bagai korban awal bagi tahun 1979. Kemalangan yang berlaku pada sa-belah pagi, 2hb Januari di-batu 15, Jalan Tutong itu telah memusnahkan kereta Toyota Celica dan Colt Lancer dalam keadaan remok sama sekali. Tempat kejadian kemalangan itu ada-lah merupakan suatu kawasan yang selalu melibatkan pelanggaran dalam mana pada tahun 1978 yang baru lalu juga beberapa kemalangan telah berlaku, antara-nya satu kemalangan yang mengorbankan satu keluarga — ibu dan anak terbunuh. Dan pelanggaran antara kedua buah kereta ini ada-lah nahas pertama di-tempat itu bagi tahun ini dalam mana kereta Toyota Celica berwarna puteh yang datang dari arah ibu negeri dan baru saja melepaskan kawasan sempadan Daerah Brunei dan Muara di-laporkan telah memintas kenderaan yang ada di-hadapan-nya dan tiba2 ketika memintas itu kereta Colt Lancer berwarna merah yang datang dari arah hadapan dan beberapa rantai sahaja ia-nya hendak meninggalkan sempadan Daerah Tutong masuk ka-kawasan Daerah Brunei-Muara telah bertembong. Dalam keadaan

deras laju yang di-buat oleh Toyota Celica itu, kereta Colt Lancer yang bertembong dengan-nya telah terundur beberapa ela ka-belakang sa-hingga terbabas ka-sebelah kiri yang beberapa ela dari kawasan pelanggaran itu terdapat sa-buah rumah yang di-diami oleh sa-buah keluarga. Mujor kemalangan itu tidak memusnahkan dan mengorbankan keluarga rumah berkenaan dan hanya memanggut nyawa Allahyarham2 Bakri bin Haji Lahid, Bahar atau Sulaiman bin Budin dan Mohammed bin Ismail. Dan perhatikan bertanda anak panah, keadaan tayar Toyota Celica yang gondol ada-lah juga boleh mengakibatkan sesuatu kemalangan di-samping dari

kethuaian pemandu-nya yang suka memandu laju tanpa membuat perhitungan terlebih dahulu.

Pemerintah AMDB dapat C.B.E.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Brigadier Dato Norman Roberts telah dikorniakan bintang Commandant of the British Empire — C.B.E. Pengorniaan tersebut di-umumkan di-London samasa Istiadat Penyampaian Pengorniaan Bintang2 sempena tahun baru oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen.

15 orang pegawai kadet tamat latehan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 15 orang pegawai kadet lelaki Puks Diraja Brunei akan menamatkan latihan mereka pada hari Sabtu 13hb Januari. Sa-bagai menandakan tamat-nya latihan sa-lama enam bulan itu, satu upacara perbarisan akan diadakan di-Pusat Latehan Polis di-Jalan Muara mulai pukul 7.45 pagi. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran

Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah akan memereksa dan menerima tabek kehormatan di-upacara tersebut. Turut menyerikan upacara pada pagi itu ia-lah perbarisan bersama oleh 200 orang anggota pasukan Polis Diraja Brunei dan permainan muzik oleh pasukan panchagarag Polis Diraja Brunei.

JENIS KERETA	HARGA JUALAN (Showroom Selling Price)	HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road)
DATSUN 280 ZX Model: HGS 130 UBC Air-condition, radio and safety belt	\$28,000.00	\$28,960.00
DATSUN C20 TRUCK Model: C120 HSU	\$10,050.00	\$10,544.00
DATSUN C20 BLIND VAN Model: VC 120 SVU	\$10,400.00	\$10,915.00
DATSUN C20 WINDOW VAN Model: VC 120 SVUW	\$10,500.00	\$11,015.00
DATSUN C20 WAGON Model: KPC 120 SU	\$11,200.00	\$11,606.00
DATSUN 120A COUPE (New Model). Model: KN10FUD3 Disc. Brake, radial tyres, rear defroster, guard mlds, front safety belts, console box and clock	\$10,850.00	\$11,250.00
DATSUN 120A COUPE (Old Model). Model: KF10U	\$ 9,500.00	\$ 9,900.00
DATSUN 120A (New Model) 4-DOORS SEDAN Model: M10UD3 Disc. Brake, radial tyres, rear defroster, guard mlds, front safety belts, console box, radio, cig. lighter and clock	\$10,400.00	\$10,806.00
DATSUN 120A (Old Model) 4-DOORS SEDAN Model: F10UW — Radio	\$10,000.00	\$10,406.00
DATSUN 100A (New Model) 4-DOORS SEDAN DELUXE Model: BN10UD3 Disc. Brake, radial tyres, rear defroster, guard mlds, front safety belts, console box, radio and clock	\$10,080.00	\$10,482.00
DATSUN 100A (Old Model) 2-DOORS SEDAN Model: BF10SRU	\$ 9,382.00	\$ 9,767.00



Y.B. Pehin Hussain

MBB DI-GESA PILEH PUCHOK PIMPINAN BERTANGGONG JAWAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, menggesa Majlis Belia2 Negeri Brunei supaya memilih puchok pimpinan yang benar2 mahu bertanggung jawab dan mahu bertindak tidak pura2 dan leka dengan ranchangan demi ranchangan sahaja.

Kata-nya, walau pun MBB merupakan sa-buah badan suka-rela yang di-beri grant oleh Kerajaan, akan tetapi tindakan yang positif harus-lah di-buat dari sekarang sa-laras dengan negara kita yang sedang membangun serta suasana yang lebeh menchabar.

Ketika berucap di-pembukaan Kongres Agong Perwakilan MBB pada 1hb Januari, 1979 yang baru lalu, Pehin Hussain menjelaskan bahawa belia2 ada-lah 'jentera penggerak pembangunan' untuk memainkan peranan yang lebeh penting dalam suasana aman, tenteram, harmoni serta kukuh dengan ekono-



WAKIL SABERKAS, Sarawak sedang menyampaikan chenderamata kepada Yang Dipertua MBB, Awang Haji Jaya (membelakng kamera) sa-bagai tanda kenang2an lawatan ahli2 SABERKAS ka-Brunei yang baru lalu.

Kerja' yang bertugas sa-penoh masa untuk menyele-saikan kerja2 MBB. "Masalah untuk mem-bayar alon kepada peker-ja tetap ini saya fikir MBB berkemampuan kerana

segi ekonomi dan memba-nyakkan kerja2 kebajikan. "Saya telah pun lama men-dengar dan telah pun me-nerima laporan2 bahawa MBB akan berusaha di-bidang ekonomi dengan mengadakan Gerakan Ekono-mi Belia, ia-itu sa-bagai pembekalan kepada per-satuan2 belia seluruh nege-ri. Perkara ini pada hemat saya sudah pun di-kaji dan di-pertimbangkan oleh MBB dengan sa-halus2-nya dan sudah sampai masa-nya Gerakan Ekonomi Be-lia itu di-ujudkan dan tidak ada sebab-nya akan terha-lang," ujar Pehin Hussain dengan penoh harapan.

Jangan berpura2 dan leka dengan ranchangan demi ranchangan saja

mi dan sosial; pada men-chapai matalamat yang akan di-nekmati oleh kita sepenoh-nya.

Menurut Pehin Hussain, MBB boleh bergerak de-ngan lebeh chepat lagi ber-kesan jika ia-nya mempun-nyai sa-orang 'Setiausaha

Kerajaan Kebawah DYMM dan pehak Sharikat Min-yak Shell Brunei Berhad telah memberikan bantuan2 tahunan-nya kepada MBB," jelas Yang Berhormat itu. Di-samping itu, tambah-nya lagi, MBB harus-lah juga menitik beratkan di-



PERLAWANAN bolasepak antara pasukan IKERAB dan SABERKAS sa-chara persahabatan sa-waktu lawatan singkat ahli2 SABERKAS ka-Brunei. Keputusan perlawanan itu pasukan IKERAB memenangi perlawanan tersebut dengan 3 — 0.

MAIN BERANGKAI DAN SERANGAN

OLEH:
STEWART
WAVELL

Siri ke-8

MINGGU lepas awda telah mempelajari bagaimana mengeluarkan buah-chator dalam satu bentuk pembukaan. Pembukaan Ruy Lopez. (Ter-dapat banyak lagi jenis pem-bukaan yang akan awda pelaj-ari dalam sa-bulan dua akan datang). Ingat, awda telah mempelajari supaya memper-tahankan Bidak2 di-bahagian tengah dengan kedua-dua kuda, dan menempatkan kedua-dua Gajah dalam kedudukan untuk menyerang. Awda juga mesti menempatkan kedua-dua Tahir di-bahagian tengah pada barisan bawah, menggerakkan Menteri ka-d2 atau e2 di-mana ia dapat menguasai papan-cha-tor tanpa ia sendiri di-ancam. Kemudian awda hendak-lah melaksanakan satu ranchangan.

Menggerakkan buah-chator sa-suka hati akan dengan chepat membawa kehancoran kepada awda. Sa-baik-baik sahaja awda menguasai bahagian te-nengah, atau bahagian tengah itu telah tersekat, baharu-lah awda memajukan Bidak2 di-se-belah-menyebelah sayap. Te-tapi tentukan sayap yang ma-na. Dan jangan lari daripada ranchangan awda, jika dapat. Tentu-lah awda akan senan-tiasa melakukan perubahan2 untuk menyesuaikan dengan apa yang di-lakukan oleh lawan awda. Tetapi chuba jangan melupakan keseluruhan ranchangan awda.

Ranchangan apa? awda mungkin bertanya. Begini mungkin lawan awda sudah mengukubkan Raja-nya supaya selamat di-sebelah Raja, sa-telah memajukan Bidak-nya di-hadapan Kuda untuk mem-bolehkan Gajah bergerak ka-petak di-depan Raja yang di-kubukan itu. Bidak yang di-gerakkan itu memberi awda satu sasaran untuk di-serang.

Kubukan Raja awda di-sa-belah Menteri, keluaran ke-dua-dua Tahir ka-sebelah ka-nan papan-cha-tor dan lancarkan serangan Bidak2 Raja awda untuk mematahkan perta-hanan Bidak lawan yang di-depan Raja-nya itu. Sa-baik-baik sahaja Raja itu terdedah, ia ada-lah dapat di-olah-olah oleh buah-chator utama awda. Ini chuma satu ranchangan.

Ranchangan yang lain ada-lah mungkin awda akan me-majukan Bidak2 awda yang terletak di-bahagian Menteri dengan di-bantu oleh kedua-dua Kuda, kedua-dua Tahir dan Gajah pada pepenjur-uan panjang, menembak dari satu kedudukan di-depan Raja yang dengan selamat sudah di-kubukan di-sebelah bahagian Raja papan-cha-tor itu.

Sementara itu awda sudah masuk ka-permainan pertenga-han; masa-nya untuk muslihat pergerakan telah tiba. Jangan lupakan ranchangan menyelur-uh awda, dan chari kelema-han pada kedudukan musuh. Kelemahan itu mungkin pada satu Bidak yang hanya di-per-tahankan oleh Raja lawan awda; jadi tumpukan buah-chator utama awda ka-arrah kelemahan itu. Dengan berbuat begitu, lawan awda akan ber-tindak balas. Ia akan mengha-lang awda, jika dapat. Seka-rang-lah masa-nya awda me-mikirkan segala tipu muslihat untuk mengatasi muslihat la-wan awda itu. Jika awda ber-kubu pada sa-belah Raja, lawan awda mungkin menum-pukan serangan-nya kepada Bidak Tahir yang di-depan Ra-ja awda, atau mungkin kapada Bidak Gajah, jika Bidak itu tidak lagi di-pertahankan oleh satu Tahir. Ini-lah tem-pat2 kelemahan awda. Jadi, dalam masa awda mencari ikhtiar untuk memintas ke-pintaran lawan awda, hendak-lah ingat yang lawan awda itu juga memikirkan pelbagai ran-changan untuk memintas ke-pintaran awda. Oleh yang de-mikian, sa-belum membuat sebarang langkah, tanya'an kapada diri awda sendiri:

"Mengapa ia menggerakkan buah-chator itu ka-sana, dan apa-kah yang hendak di-laku-kan-nya kapada saya?" Hanya apabila awda dapat menjawab-nya baharu-lah selamat bagi awda untuk bergerak.

Sekarang, tipu muslihat apa-kah yang dapat awda guna-kan? Tentu-nya ada banyak. Walau pun begitu, pada dasar-nya ada tiga — serampang (fork), pasak atau penyemat (pin), dan tindakan Asah

(check) dalam semua jenis-nya ia-itu Ash Ringkas (Simple-check), Aras (Discover-check), dan Aras Sah (Double-check). Semua ini ada-lah olahan tak-tik. Lain kali awda akan mem-pelajari olahan2 strateji. Ming-gu ini saya akan menumpukan perhatian pada serampang.


Apabila satu buah-chator menyerang lebeh daripada satu buah-chator sa-rentak, kita sebut ia menyerang buah-cha-tor2 itu. Kechuali lawan awda dapat melepaskan daripada se-rampang itu dengan meng-gerakkan satu buah-chator

untuk mengasah Raja awda, dan kemudian menggerakkan buah-chator yang satu lagi itu jauh daripada jangkauan se-rampang, ia sudah tentu akan kehilangan satu buah-chator. Kehilangan satu buah-chator dapat bererti membawa keka-lahan dalam permainan itu.


Berikut ada-lah rajah yang menunjukkan contoh2 seram-pang — dengan satu Kuda, satu Gajah, satu Menteri, dua Tahir, dan satu Bidak. Yang paling kerap terchapai dalam permainan ada-lah dengan satu Kuda.




BELIA
DAN
SOKAN




Rajah 32




Rajah 33




Rajah 34



Rajah 35



Rajah 37



Rajah 36

MASAALAH 6

Grandmaster Hort dari Jerman Barat, berkedudukan No. 6 di-dunia telah mengalahkan D. H. Cummings dari Britain dalam perlawanan Slater Foundation Junior International 1977. Apa-kah yang Hort (Puteh untuk bergerak) jalankan seterusnya?

SELAIN daripada Sye-datuna Khadijah, Syedina Ali dan Zaid bin Harithah, terdapat juga sa-orang lelaki dewasa yang mula2 menerima seruan Nabi Muhammad. Orang itu ia-lah Syedina Abu Bakar As-Seddiq. Beliau lebih muda dua tahun daripada Nabi. Menjadi sahabat yang terdekat kepada Baginda. Baginda juga chukup tahu benar tentang pekerti-nya. Beliau tidak pernah terlihat melakukan pekerjaan2 jahiliah, sa-bagaimana orang Arab pada masa itu melakukan-nya, saperti mengubor anak2 perempuan hidup2, minum arak, berjudi, zina, menyembah berhala dan lain2.

Sa-baik2 sahaja menerima seruan, Syedina Abu Bakar dengan tidak bertanggoh terus sahaja beriman, dan bahkan terus mengumumkan keimanannya itu di-kalangan kawan2-nya. Beliau tidak mengira apa reaksi mereka. Bukan sa-takat itu sahaja, bahkan beliau juga terus2 sahaja membantu Rasulullah menyampaikan dakwah. Di-ajak-nya Syedina Othman bin 'Affan, Abdul Rahman bin 'Auf Talhah bin 'Ubaidillah, Sa'ad bin Abi Waqas, Zubair bin Al-'Awwam dan Abu 'Ubaidah bin Al-Jarrah. Semua mereka itu kemudian-nya ada-lah sahabat2 yang ternama dalam sejarah.

Ini-lah Muslimin yang yang mula2 menerima dakwah Islamiah. Sa-takat masa itu, permusohan dari kaum Quraish terlampau amat bengis-nya kepada orang2 Islam. Kerana itu mereka beramal dengan ugama ini maseh sahaja bersembunyi2.

Hal ini berjalan selama 3 tahun, tetapi sementara itu Islam terus meluas di-kalangan penduduk Mekah. Wahyu yang datang kepada Nabi selama masa itu mempertegoh keimanan orang2 Islam, di-tambah lagi dengan tauladan yang ada pada diri Nabi sendiri turut dengan chepat-nya memperluas pengaruh Islam di-kalangan penduduk2 Mekah dan sekitar-nya. Baginda mempunyai khidmat setia bakti serta peroh kaseh sayang. Merendahkan diri tetapi berani. Tujur kata-nya lemah lembut dan benar, berlaku adil, tidak pernah menggelapkan hak orang. Bersimpati dan sen-

DAKWAH NABI KPD. KELUARGA DAN

ORANG AWAM QURAISH

tiasa berusaha merengankan beban orang lain, terutama orang lemah, miskin dan sengsara dan anak2 yatim. Tabiat-nya tidak chepat2 tidor, tetapi suka bertahajjud dan mengulang-ulang bacaan wahyu yang di-sampaikan kepada-nya. Sikap-nya tidak pernah berubah dari memegang ugama, dari menjalankan hukum Allah. Amar maaruf dan nahyi mungkar ia-lah amalan-nya yang utama, yakni menyuruh kepada berbuat baik dan melarang melakukan durjana dan kejahatan. Baginda menyempatkan semua ini kadalam diri-nya, kadalam jantung kehidupan-nya sendiri, ia-itu suatu tauladan paling bermakna yang membuat mereka yang sudah beriman dan menyatakan Islam-nya semakin besar chinta-nya kepada ugama ini. Chinta apabila telah wujud dengan segala ketulusan-nya, menjadikan orang2 berani mati dan setia, asal sahaja matalamat yang di-tuju itu jelas kepada mereka. Bagi orang2 Islam, matalamat itu ia-lah KERED-ZAAN Allah. Walaupun sa-juta manusia tidak menyukai-nya, tetapi jika Allah suka dan redza, maka itu-lah yang menjadi pilihan.

Orang ramai banyak berchakap tentang Nabi dan ajaran2 yang di-bawa Baginda. Tetapi mereka menyangka pada mula-nya, bahawa ini tidak-lah lebih dari kata2 pendeta atau ahli2 fikir, saperti Umayyah, Waraqah dan lain2 lagi. Kerana itu mereka kurang menghiraukan-nya. Mereka yakin, Naib Muhammad pada akhir-nya akan kembali juga kepada ugama nenek moyang-nya menyerahkan diri kepada Hubal, Lata

dan 'Uzza. Mereka langsung tidak menyangka bahawa kedatangan Ugama Islam akan menyapu bersih berhala2 yang tidak bermakna itu, dan iman orang2 Islam yang murni tidak dapat di-patah2kan — sekali-nya datang kebenaran, kebatilan pasti terbang.

Tiga tahun sa-sudah kerasulan-nya, maka perentah Allah pun datang supaya Baginda mengistiharkan ajaran2-nya dengan berterang2, mesti disampaikan juga, tidak boleh lagi sembunyi2. Period bersembunyi sudah habis. Sekarang Allah mengajar Rasul-Nya bagaimana melaksanakan perentah itu, ia-itu dengan wahyu (Surah Ash-Shu'ara ayat 214-216) yang bererti: "Dan beri-lah peringatan kepada saudara-keluarga-mu yang terdekat. Bersikap lemah-lembut dan sopan-santun-lah kepada orang2 yang beriman yang mengikut engkau. Dan jika mereka tidak mahu juga mengikut engkau, katakan-lah: Aku berlepas tangan dari apa yang kamu perbuat itu." (Surah Al-Hijr ayat 94) erti-nya: "Sampaikan-lah apa yang di-perentahkan kepada engkau, dan jangan-lah engkau perdulikan orang2 mushrik itu."

Dengan turun-nya perentah ini, Rasulullah pun menjemput makan keluarga2 itu ka-rumah-nya. Baginda memulakan perchakapan dengan chara-nya yang amat menarek dan penoh kaseh sayang. Disampaikan-nya dakwah mengajak mereka itu kepada Allah, menyembah Allah s.w.t. Tetapi Abu Talib, bapa saudara-nya (lihat buku HAYATU MUHAMMAD karangan Muhammad Hussein Haekal Jilid 1) lalu member-

oleh2 dari
PERSIDANGAN ISLAM
ASIA YANG PERTAMA



H.J. ABD AZIZ JUNED

Siri ke-21

Orang2 Quraish lalu datang bergegas-gegas sambil bertanya-tanya sa-sama sendiri: "Ada apa ya, ada apa?"

Sa-telah mereka berkumpul, Rasulullah pun bersabda, erti-nya:

"Bagaimana pendapat kamu sekalian, kalau saya beri tahukan kepada kamu sekalian, bahawa dihadapan bukit ini ada pasokan berkuda, mahu-kah kamu perchaya?"

"Ya," jawab mereka. "Sudah tentu kami perchaya, sebab belum pernah kami melihat engkau berdusta."

Baginda pun bersabda, erti-nya: "Saya ingatkan kamu sekalian, sa-belum menghadapi azab yang sungguh berat. Banu Abdul Muttalib, Banu Abdu Manaf, Banu Zuhrah, Banu Taim, Banu Makhzum dan Banu Asad. Allah telah memerentahkan saya supaya memberi peringatan kepada keluarga2 saya yang terdekat. Baik untuk dunia atau akhirat, tiada suatu bahagian atau keuntongan yang dapat saya berikan kepada kamu, melainkan kamu menguchap: Lailaha illallah — tiada Tuhan melainkan Allah."

Saperti di-riwayatkan, sa-orang lelaki berbadan gemok dan chepat naik darah, namanya Abu Lahab, mendengar itu lalu berdiri sambil membentak: "Chelaka engkau ya Muhammad! Chelaka engkau! Ada-kah hanya untuk ini engkau kami kumpulkan?"

Dengan gangguan dari Abu Lahab itu, Rasulullah tidak dapat meneruskan seruan-nya. Di-lihat-nya bapa saudara-nya itu dengan sedeh dan kesal. Kemudian sa-sudah itu, turunlah wahyu (Surah Al-Lahab) erti-nya: "Chelaka-lah kedua tangan Abu Lahab, dan chelaka-lah ia. Kekayaan dan segala usaha-nya tiada berguna kapada-nya. Nanti ia akan masuk ka-dalam api yang bernyala2. Dan isteri-nya memikul kayu api, di-leher-nya ada tali rami" (isteri Abu Lahab bernama Ummu Jamil yang juga turut memusohi Nabi bersama suaminya. Dengan usaha-nya juga api fitnah dan permusohan itu marak di-nyalakan).

Sekali lagi kisah ini amat indah, tuan! Kisah perjalanan dakwah Islamiah, yang boleh di-buat sari tauladan untuk kita pada hari ini. Oleh itu, insya Allah, akan saya choba lanjutkan lagi dengan izin Allah.

(Bersambung)

Dengan serentak mereka menolak, dan bersiap2 hendak meninggalkan Nabi. Tetapi tiba2 dalam saat yang genting itu Syedina Ali bin Abi Talib bangun (masa itu ia maseh kanak2 dan belum baligh lagi). Sambil bangun itu ia berkata:

"Rasulullah, saya-lah yang akan membantu-mu. Saya ada-lah lawan bagi siapa sahaja yang engkau tentang!"

Mendengar kata2 Syedina Ali itu, keluarga Banu Hashim ada yang terseenyum sinis dan ada pula yang tertawa terbahak2. Mata mereka berpindah2 dari Abu Talib kepada anak-nya, Syedina Ali. Tetapi tidak lama, mereka pun pergi meninggalkan Nabi dengan ejekkan.

Dari keluarga-nya yang terdekat, Baginda Rasulullah meluaskan dakwah-nya kepada orang 'awam Quraish penduduk Mekah. Suatu hari, Baginda naik ka-bukit Safa dengan berseru, erti-nya: "Wahai orang2 Quraish!"

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEGAWAI BERTAULIAH AMDB DI-KEHENDAKI

ASKAR Melayu Diraja Brunei menawarkan pemuda2 di-Brunei pekerjaan yang menantang dan yang berharga sebagai Pegawai Biasa Bertauliah dalam Pasokan ini. Pasokan ini adalah sa-buah Pasokan yang sedang berkembang dan menghendaki pemuda2 untuk di-latih sebagai Pegawai dalam berbagai2 bidang kemahiran, seperti Pegawai Penerbangan, Pelayaran, Peralatan, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika awang2 mempunyai kelayakan2 pelajaran, Pasokan ini boleh membantu awang2 untuk di-latih dalam jurusan2 tersebut.

Kami yakin bahawa awang2 akan menerima tawaran ini sa-bagai satu cabaran. Jika demikian memohonlah untuk di-temu duga. Temu duga yang akan datang akan di-adakan pada Bulan April 1979. Awang2 hendaklah menghantar permohonan bertulis kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhidmatan Berakas dan permohonan2 hendaklah sampai kepada-nya tidak lewat dari 30hb Januari, 1979.

Bagaimana pun, pehak kami memerlukan awang2 memenuhi syarat2 yang berikut bagi membolehkan awang2 memasuki-nya.

- Awang2 mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang terdiri daripada orang2 Melayu dari kaum jati puak2 Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
- Jika awang2 bukan dari kaum jati puak2 itu, awang2 mesti-lah beragama Islam dan menyesuaikan diri awang2 dengan adat resam orang2 Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang tertalok kepada sa-barang undang2 bertulis yang berhubung dengan kebangsaan.
- Bahasa

(1) Bagi pemohon2 yang tidak pandai berbahasa Inggeris boleh memohon, tetapi mesti-lah lulus dalam Tingkatan VI aliran Sekolah Melayu 1978. Keistimewaan akan di-berikan kepada awang2 yang berjaya untuk mempelajari bahasa Inggeris.

(2) Bagi pemohon2 yang pandai berbahasa Inggeris, mesti-lah lulus Tingkatan V dalam aliran Sekolah Inggeris Tahun 1978.

- Berumur di-antara 17½ hingga 25 tahun pada 21hb May 1979 dan masih bujang.
- Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang dari 105 paun.

Jika awang2 di-terima sa-bagai Pegawai Kadet, awang2 akan menjalani latihan asas tentera di-Perkhidmatan Bolikah sa-lama enam hingga sembilan bulan. Awang2 akan di-hantar keluar negeri untuk latihan lanjutan, tertalok kepada tamat latihan, sa-belum menerima tauliah sa-bagai sa-orang Pegawai di-dalam Pasokan itu.

Jika awang2 memerlukan sa-barang ma'alumat silalah berhubung terus kepada Timbalan Penolong Ejut Agong, Askar Melayu Diraja Brunei, nombor talipon 25581 sambungan 194.

KENYATA'AN TAWARAN

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa untuk memohonkan perkhidmatan kanten di-ketiga2 buah Sekolah Agama yang berikut Jabatan Hal Ehwal Ugama:—

- Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1½, Jalan Tutong;
- Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba, Brunei; dan
- Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lurong Dalam, Brunei.

2. Tawaran hendaklah di-hantarkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei Pejabat Kewangan Negara tidak lewat dari 16hb Januari, 1979 hari Selasa jam 12.00 tengah hari dengan menulis di-sampul surat-nya tawaran kanten Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1½, Jalan Tutong, Brunei atau tawaran kanten Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba atau tawaran kanten Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lurong Dalam (tawaran sekolah yang di-masuki).

3. Jika tawaran lewat di-terima dari tarikh dan waktu yang di-nyatakan di-atas tidak akan di-layan.

4. Wang pendahuluan mengenai perkara tersebut ada-lah di-kehendaki di-bayar sebanyak \$50.00 bagi tiap2 sa-buah sekolah kepada Bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan Tingkat Pertama, pada bila2 masa waktu bekerja biasa hingga 15hb Januari, 1979 jam 3.00 petang.

5. Jika penerangan2 lebih lanjut mengenai perkara ini serta syarat2 tawaran tersebut ingin di-perolehi, maka Guru Besar ketiga2 buah Sekolah Ugama yang berkenaan boleh-lah di-hubungi.

6. Pada kebiasa'an-nya tempoh perkhidmatan sa-buah kanten ada-lah sa-lama 2 tahun mulai dari tarikh yang akan di-tetapkan kemudian dalam surat perjanjian.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran dengan kadar sewa yang tinggi atau seumpama-nya.

Sa-bagai Penasehat

Undang2 di-Jabatan

Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang berkelayakan sa-bagai Peguam-bela dan Peguamchara atau kelayakan professional yang serupa dengan-nya untuk memenuhi jawatan Penasehat Undang2 di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- Hendak-lah mempunyai kelayakan professional undang2 yang di-akui, ya'ni layak di-terima untuk menjadi sa-orang Peguam. Sa-seorang itu akan di-anggap layak jika, mital-nya, ia:—

- telah lulus peperiksaan terakhir bagi ijazah Sarjana Muda Undang2 di-Universiti Singapura atau di-Universiti Malaya, atau
- ada-lah sa-orang "Barrister-at-law" England atau sa-orang ahli "Faculty of Advocates" Scotland; atau
- ada-lah sa-orang Peguamchara di-England atau sa-orang Peguamchara di-Scotland.

Satu ijazah dalam Undang2, meskipun tidak memberikan kelayakan professional, akan berguna.

- Hendak-lah mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang "Undang2 Islam" khas-nya Ilmu Fiqeh.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B.2 EB.3 — B\$1645-1709-1772-1836-1900-1964-2027-2104-2180-2257-2333-2410-2486-2563-2639-2716/EB/2792-2869-2945-3022. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-perjawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh per-chubaaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Februari, 1979. (E/585/78 — Bil: 146/1978)

Sa-bagai Penjaga Aquarium

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong sebagai Penjaga Aquarium di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II Melayu dan mempunyai sedikit pengetahuan Bahasa Inggeris. Mereka mesti-lah pandai berenang.

Tugas2:

Membuat semua kerja2 seperti menjaga kebersihan kolam2 ikan dan kolam2 terrarium. Chalon2 akan juga di-kehendaki membantu dalam kerja2 mengutip chontoh2 (specimen).

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2-3 EB.4 — \$357-370-383-395-408-

SA-BAGAI PEMBANTU TEKNIK KANAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Teknik Kanan bagi Projek Padi Kerajaan Brunei di-Jabatan Kerja Raya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya tujuh tahun pengalaman dalam memelihara, membaiki dan merawat perkakas tolak tanah, jentera2 kuat dan traktor2 berat. Ada-lah lebih baik jika chalon2 pernah menjadi学徒 atau mempunyai latihan yang rasmi. Fasih bertutur dalam Bahasa Melayu ada-lah mustahak dan di-inginkan mempunyai pengetahuan yang baik dalam tulisan dan pertuturan Bahasa Inggeris.

Chalon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam satu jawatan yang bertanggung-jawab men-

jaga pasokan yang merawat, memelihara dan membaiki yang menjalankan kerja di-luar mahu pun di-dalam Bengkel. Kebolehan mengawal dan mengatorkan orang2 dibawah ada-lah perlu. Chalon2 mesti-lah bersedia untuk bekerja dalam keadaan2 yang sukar di-mana2 dalam Negeri ini.

Tugas2:

Menjaga dan mengarahkan sa-pasokan mekinik yang bertugas dalam lapangan ini dan bertanggung-jawab ka-atas pemeliharaan bengkel bagi loji tolak tanah dan perkakas yang sama. Steshen bertugas mula2 ia-lah di-Kilanas/Mulaut.

Umur:

Tidak kurang dari 25 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — \$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-

1683. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh per-chubaaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Februari, 1979. (E/890/71 — Bil: 143/1978)

Sa-bagai Penterjemah Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan yang sesuai untuk memenuhi jawatan2 kosong sa-bagai Penterjemah Kanan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Lulus peperiksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei (Peringkat Biasa) dalam tiga matapelajaran (termasuk bahasa Inggeris dan Melayu) atau Sijil Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Melayu.

- Mempunyai pengalaman sekurang2-nya selama 5 tahun dalam kerja2 penterjemah.

- Boleh membacah dan menuliskan Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — B\$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh per-chubaaan. Pada masa ini tidak ada

Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang

lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Mach, 1979. (E/273/62 — Bil: 145/1978)

Sa-bagai Penjaga Malam

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong sa-bagai Penjaga Malam di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 ada-lah sebaik2-nya berumur di-antara 30 dan 40 tahun dan mesti-lah berbadan sehat. Hanya mereka yang tinggal berdekatan dengan Steshen Perikanan Muara di-kehendaki memohon.

Tugas2:

Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bekerja 8 jam sa-cha-nya bergilir (shift) sama ada dari jam 4.00 petang hingga 12.00 malam atau dari jam 12.00 malam hingga 8.00 pagi. Tugas2 jawatan ini termasuklah mengawasi keselamatan kapal penyelidik dan bot2 Jabatan Perikanan dan memelihara dan menjaga jentera2, per-

kakas2 dan kawasan Steshen Perikanan Muara.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1-2 EB.3 — \$306-312-319-325-332-338-344-351/EB/357-363-370-376-383.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Februari, 1979. (E/888/71 — Bil: 142/1978)

Sa-bagai Ketua Jururawat

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sa-bagai Ketua Jururawat Kesihatan Penyakit Otak di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

- Berkelayakan sa-bagai State Registered Nurse Persekutuan Tanah Melayu, Singapura atau United Kingdom.

- Berkelayakan sa-bagai Registered Mental Nurse Persekutuan Tanah Melayu, Singapura atau United Kingdom.

- Boleh berbahasa Melayu.

Pengalaman:

Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam kerja2 rawatan pesakit2 otak di-Hospital2 Kerajaan.

Tugas2:

Sa-bagai Pegawai Nursing menjaga pesakit2 otak di-unit2 psychiatric dalam Hospital2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji M.11 — B\$1390-1454-1517-1581-1970-1734-1798-1862-1925-1989/EB/2053-2117-2180-2244-2308. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-perjawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh per-chubaaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Februari, 1979. (E.1312/78 — Bil: 146/1978)

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PLACE OF DETENTION JERUDONG BRUNEI TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board, Brunei at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Brunei up to 4.00 pm, on Thursday 25th January 1979 for "UNCOOKED RATIONS". Tenders are invited to supply of "UNCOOKED RATIONS" for DETAINEES of Place of Detention Jerudong, Brunei from 1st April, 1979 to 31st March 1980.

1. Beras (Rice)	per lb
2. Ikan Hidup/Undang No. 1 atau No. 2 (Fresh fish/Prawns)	per lb
3. Daging Kerbau	per lb
4. Ayam (Bersech Bulu) Dressed Chickens	per lb
5. Sayor Daun (Sawi, Bayam, Lobak, Kangkong dan lain2)	per lb
6. Sayor Buah (Kachang Panjang, Kachang Bonches, Petola, Labu Manis dan lain2)	per lb
7. Ubi Kentang	per lb
8. Roti Paun	per lb
9. Telor Ayam	each
10. Buah2an (Fresh Fruits)	each
11. Kopi (Chap Bas)	per lb
12. Teh (Lipton)	per lb
13. Susu Manis (Milkmaid)	per lb
14. Susu Powder (Everyday)	per lb
15. Horlicks	per lb
16. Mentega (Golden Churn) 1 lb tin	per lb
17. Jam (1 lb Bottle)	per lb
18. Kaya	per lb
19. Gula (Gula Puteh) Sugar	per lb
20. Minyak Makan (Coconut Oil)	per lb
21. Garam (Salt)	per lb
22. Asam	per lb
23. Rempah Serbok	per lb
24. Rempah Kunyit	per lb
25. Chili Hidup	per lb
26. Chili Kering	per lb
27. Bawang Merah	per lb
28. Bawang Besar	per lb
29. Kachang Hijau/Ubi Manis atau lain2 jenis Ubi	per lb
30. Kelapa Tua (Coconut)	each
31. Rokok 555 (10 Batang)	per packet
32. Machis	per packet

Tenders received after this date will be rejected.

The quality and quantity of rations supplied must be to the satisfaction of the Superintendent, Place of Detention Jerudong, if not to his satisfaction, the ration must be returned to the Contractor and replaced by their equivalent or better at the original price. Meat and fish should not include bones and the meat should not be injected with water.

The Superintendent, Place of Detention Jerudong, will issue instruction on amount of rations required each evening. All rations should be delivered daily at the Place of Detention, Jerudong not later than 7.00 am. The Contract may be terminated by either side giving one month notice in writing. Tenders must be placed in a plain envelope must be no indication on the cover of the tenderer. The cover must be addressed to the Chairman Tenders Board, Brunei at the address given in para 1 above. Tender deposit will be \$100.00 to be paid into the State Treasury, Brunei and receipt to accompany the tender. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

SUCCESSFUL TENDERS

1. New concrete shafts with lifts for Rank and File flats, District Police Hq, BSB - Ng & Tam Co - \$349,383.
2. Construction of new decorative security fencing at Istana Edinburg - Dato Haji Hamidoon - \$116,400 - 3 months.
3. Supply and delivery of crusher-run stones to proposed access road to Integrated Weapons Complex at Kg Kapok - Sh Perusahaan Brunei - \$25.80 per cubic yard.
4. Proposed squash and tennis courts at the Flotilla Base - Messrs Lim Bros Const Co - \$885,813.16 - 6 months.
5. Supply and delivery of crusher-run stones to the proposed driveways/parking areas at Seri Shopping Complex - Sh Pembinaan Kebangsaan - \$24.80 per cubic yards.
6. Proposed athletic field and grand stand, Berakas Camp - Hing Cheong Const Co - \$4,065,326.66 - 12 months.
7. Supply of 1200 dust bins 24" galvanised 24G (No 35/78) - South Island Trading Co - \$15.50 - 3 months.
8. Electrical installation to the Sixth Form Centre, Sports Complex and barrack block - Messrs Auto Electric Company - \$641,718.

1. Disposal of night soil - Poon Sing alias Abdul Rahman bin Abdullah - \$4,600 per month.
2. Supply of 3 units tipper truck for Belait District Office - Champion Motors - \$32,500 per unit.
3. Army Work Series Part 1 services - Hiew Builders - \$1,199,272.20 - 11 months.
4. Crane installation to proposed miscellaneous additions and alterations to Flotilla Base - Lian Heng Construction & Transport Company - \$83,392.00.
5. Proposed sewerage reticulation and disposal of 260 units barracks at Istana Edinburg - Sung Lee & Chu Const Co - \$468,359.10 - 9 months.
6. Supply and delivery of crusher-run stones to Municipal barracks site, Mile 2, Jalan Berakas - Sh Perusahaan Brunei - \$23.80 per cubic yard - 1 month.
7. Delivery of colorbond spandek roofing sheets and accessories required for construction of store, garage and motor transport buildings at Polo Field, Jerudong - Pembinaan Bersatu Ltd - \$32,124 - 7 weeks.
8. Piling works for proposed National Stadium - Daito Kogyo - \$3,454,740.96 - 8 months.

Sa-bagai Penterjemah (Inggeris-Melayu)

PERMOHONAN2 adalah dipelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah (Inggeris/Melayu) di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2 :

Lulus Peperiksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei (Perengkat Biasa) dalam 3 matapelajaran (termasuk Bahasa Inggeris dan Melayu) atau Sijil Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Melayu. Sebaik2-nya mempunyai pengetahuan Jawi.

Gaji :
Dalam sukatan gaji D.3
EB.4-5 - \$625-657-689-720-
752-784 / EB.854-880-905-931-
956-982-1007-1046-1071-1097-
1122. Gaji permulaan bergan-

tong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Februari, 1979.

(E/273/62/Pt. 2 -
Bil: 147/1978)

P.W.D. TENDER NOTICES

No. 226 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th January, 1979 for:—

REPAIR AND EXTERNAL REPAINTING TO 4 STOREY SURI SERI BEGAWAN FLATS (LB NO. 2) AT JALAN TUNGGU, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 227 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" Hauling contractor only and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th January, 1979 for:—

SUPPLY AND DELIVE-

TENDER NOTICE

SUPPLY AND INSTALLATION OF KITCHEN EQUIPMENT AND ANCILLARY WORKS TO THE PROPOSED NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN

REGISTERED Class 'A' Contractor and specialist firms are invited to submit tender for the complete supply and installation of Kitchen Equipment and Ancillary Work to The Proposed New General Hospital at Kiulap, Bandar Seri Begawan.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, No 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 11th January 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of \$500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of The Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 13th February, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—

TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF KITCHEN EQUIPMENT AND ANCILLARY WORKS TO THE PROPOSED NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

RY OF EARTHFILL FOR B.S.B./JALAN MUARA LINK ROAD.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 228 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 23rd January, 1979 for:—

REPAIRS AND REPAINTING TO BUILDINGS AND QUARTERS OF SENGKURONG MALAY SCHOOL, BRUNEI (INCLUDING EXTERNAL REPAINTING ONLY OF 2 CLASS F QUARTERS)

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

TENDER NOTICE

SWIMMING POOL FILTRATION SYSTEM PROPOSED ASSEMBLY HALL AND SWIMMING POOL FOR POLICE HEADQUARTERS, PANAGA, SERIA

REGISTERED Specialist contractors and firms with experience on above work are invited to submit tender for the complete supply and installation of Swimming pool filtration system to proposed Assembly Hall and Swimming Pool for Police Headquarters, Panaga, Seria, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, No 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 15th January 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of \$400.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of The Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 13th February, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—

TENDER FOR SWIMMING POOL FILTRATION SYSTEM TO PROPOSED ASSEMBLY HALL AND SWIMMING POOL FOR POLICE HEADQUARTERS, PANAGA, SERIA, BRUNEI.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE STORES

LOT 46

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.

2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp by 1000 hrs Friday 26th of January, 1979.

3. Tenders received after this time will be rejected.

4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

5. All envelope must be endorsed Lot 46 RBMR.

6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolkiah Camp until 1600 hrs Thursday 25th of January 1979.

7. All goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

Serial No.	Item	Qty
1.	Battery 12v	37
2.	Inner Tube	79
3.	Cover Outer Size	21
4.	Cover " " 750 x 16	177
5.	Cover " " 1200 x 20	5
6.	Cover " " 825 x 20	30
7.	Cover " " 825 x 17	1
8.	Cover " " 825 x 16	39
9.	Cover " " 900 x 16	6
10.	Cover " " 900 x 20	4
11.	Cover " " 700 x 14	14
12.	Cover " " 205 x 14	6
13.	Cover " " 600 x 8	4
14.	Cover " " 750 x 16	5
15.	Cover " " 1000 x 20	6
16.	Cover " " 735 x 14	3
17.	Main Wheel Tyre	16
18.	Nose Wheel Tyre	4
19.	Tyre 600 x 16	7
20.	Canopy Bedford	5
21.	Canopy Land Rover	4

SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE STORES

LOT 47

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.

2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp by 1000 hrs Friday 26th of January, 1979.

3. Tenders received after this time will be rejected.

4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

5. All envelope must be endorsed Lot 47 RBMR.

6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolkiah Camp until 1600 hrs Thursday 25th of January 1979.

7. All goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

Serial No.	Item	Qty
1.	Typewriter	2
2.	Watches	3
3.	Honda Generator	1
4.	Champion Spark Plug Cleaner	1
5.	Water Pump Mk.III	1
6.	Allen May Field Yunit (Grass Cutter)	6
7.	Allen 32" Rotary Monr	4
8.	Wheel Rim 750 x 16	1
9.	Alternator Assy	9
10.	Starter Motor	5
11.	Generator Panel	2
12.	Alternator 12v	5
13.	Starter Motor 24v Assy	2
14.	Engine Assy	5
15.	Cover Outer 1100 x 20 12 ply (new)	16
16.	Scrap Metal	1,994 lbs

SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE STORES

LOT 48

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.

2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp by 1000 hrs Friday 26th of January, 1979.

3. Tenders received after this time will be rejected.

4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

5. All envelope must be endorsed Lot 48 RBMR.

6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolkiah Camp until 1600 hrs Thursday 25th of January 1979.

7. All goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

Serial No.	Item	Qty
1.	Vacuum Cleaner H/Duty	1
2.	Barrow Wheel Metal	3
3.	Watches	4
4.	Chair Executive	4
5.	Chair Stacking	2
6.	Cushion Seat	92
7.	Cushion Back	125
8.	Chair Plastic Stacking	7
9.	Operator Chair Avon De	1
10.	Binoculars	2
11.	Camera Kodak Instamatic	3
12.	Wall Clock	1
13.	Steel Cupboard	2
14.	Morrison Conquest Rotary Cutter	2
15.	Mattress R/F Single	98
16.	Double Mattress R/F	38
17.	Pillow R/Foam	325

Titah D.Y.M.M.

Dari muka 1

Kerajaan Baginda Queen di-atas segala pengakuan2 yang telah di-berikan olehnya untuk membantu serta menolong Kerajaan Baginda pada memenohi keperluan2 di-berjenis2 lapangan bukan saja dari sekarang malah akan di-teruskan sa-lepas Brunei mencapai kemerdekaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mensifatkan istiadat yang telah berlangsung di-Lapau ibu negeri pada petang Ahad 7hb Januari yang baru lalu itu, sa-bagai menandakan suatu detik yang amat bersejarah dalam perhubungan antara Kerajaan Baginda dan Kerajaan Baginda Queen.

"Oleh kerana perjanjian yang baharu ini menchatetkan hakikat oleh kedua2 belah pihak untuk meneruskan serta memperkukuhkan lagi ikatan persahabatan dan kerjasama yang mesra lagi rapat yang telah di-jalin lebeh saratus tahun dahulu.

"Sa-bagaimana yang dimaksudkan perjanjian yang baru ini Insha Allah akan membolehkan Negeri Brunei mencapai semua tarafnya sa-bagai sa-buah negara yang penuh merdeka lagi berdaulat dalam tempoh lima tahun akan datang", titah Baginda.

Baginda seterusnya berdo'a mudah2an kerjasama ikhlas, erat lagi mesra itu akan berbanding untuk sa-lama2nya dan semoga Allah akan sentiasa memberikan perlindungan kepada negeri ini yang mempunyai raja di-dalamnya dengan memberikan hidayah dan petunjuk2-Nya kepada kita semua dalam menjalankan usaha2 yang jujur lagi berkeadilan yang di-redhai-Nya.

Baginda seterusnya berterima kasih dan memberikan penghargaan kepada semua kaki-tangan Kerajaan Baginda termasuk pegawai2 yang terdiri dari raayat Baginda Queen di-atas segala usaha yang ikhlas yang di-berikan dalam menadiri Kerajaan Baginda.

Dan kepada semua pegawai serta anggota2 pasukan keselamatan Baginda Queen yang telah sama2 berganding bahu dengan pasukan2 keselamatan negeri ini pada menjaga keamanan dan keselamatan, Baginda tidak lupa menchatetkan penghargaan.

Terdahulu dari itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah tersebut telah mengul2kan ketibaan Menteri Negara YAB Lord Goronwy Roberts selaku wakil DYMM Paduka Seri Baginda Queen untuk menanda-tangani perjanjian tersebut, serta Baginda menyatakan kegemilangan atas kehadiran YTM Prince Michael of Kent yang membuat lawatan ka-negeri ini.

Dari muka 1

Pulis Diraja Brunei, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah juga di-junjung oleh pemerintah perbarisan YDM. Pehin Datu Perkasa Major Dato Seri Laila Jasa Ishak bin Haji Abdul Hamid, Pegawai Memerintah 'D' Kompeni untuk memeriksa perbarisan.

Sa-telah sempurna memeriksa perbarisan, Baginda kemudian di-



GAMBAR atas kelihatan YAB Menteri Negara British bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, Lord Goronwy-Roberts ketika memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari anggota Askar Melayu Diraja Brunei sa-jurus ketibaan beliau di-lapangan terbang antarabangsa Brunei.

YAB Lord Goronwy-Roberts tiba di-sini pada hari Sabtu lalu untuk mewakili Kerajaan British bagi Istiadat Menanda-

tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Brunei dan United Kingdom.

Sa-masa berada di-sini, YAB Lord Goronwy-Roberts juga telah membuat lawatan ka-Pusat Latchan Kesenian dan Pertukangan di-Kampung Perindahan.

Pada pagi hari Ahad, beliau telah di-bawa melawat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin. Beliau bertolak meninggalkan Brunei pada hari Isnin lalu.

Detik bersejarah bagi Brunei

Dari muka 1

Kata-nya, Duli Yang Maha Mulia Sultan ada-lah di-yakinkan bahawa Kerajaan Baginda Queen akan memainkan peranan penuh dalam pembangunan tersebut, kerana Kerajaan Baginda Sultan telah mendapat galakan dan minat dari Baginda Queen sendiri melalui beberapa perbincangan bagi masa depan hubungan British dan Brunei.

Menyentuh istiadat menanda-tangani itu, YAB Lord Goronwy Roberts mensifatkan ia-nya sa-bagai tanda detik sejarah baru bagi perhubungan kedua belah pihak. "Selaku orang yang di-beri penghormatan untuk memainkan peranan dalam hal ini, saya ingin mengambil kesempatan bagi mewakili Kerajaan Baginda Queen untuk menanda-tangani Duli Yang Maha Mulia, Paduka Ayahanda Baginda dan seluruh raayat Brunei semoga akan beroleh keberuntungan di-masa akan datang", kata YAB Menteri Negara itu lagi.

Beliau seterusnya menyatakan rasa yakin-nya yang Brunei akan sentiasa menikmati sokongan dari Kerajaan Baginda Queen dalam menempoh perhubungan tersebut di-samping menyokong amalan Brunei untuk sentiasa berbaik2 dengan negara2 jiran yang mana beliau yakin yang negara2 jiran akan menyambut dengan baik.

"Dan melalui sokongan itu

nanti, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan akan dapat menempatkan Brunei samada di-dalam mahupun di-perengkat antarabangsa seperti ia-nya telah pun bersedia selaku negara yang bertaraf merdeka penuh", tambah YAB Lord Goronwy Roberts.

Terdahulu dari itu YAB Lord Goronwy Roberts berkata, bahawa perjanjian yang di-tanda-tangani hari itu sa-bagai satu kegemilangan dan kejayaan yang telah di-chapai bagi perundingan yang telah di-lakukan beberapa tahun yang lalu.

Menyentuh perkhidmatan yang telah di-berikan oleh raayat Paduka Seri Baginda Queen di-Brunei, YAB Menteri Negara berkata, bahawa ia-nya ada-lah juga merupakan asas bagi persahabatan yang padu dan erat antara kedua2 negara yang telah sama2 menempoh ujian masa. "Ada-lah menjadi harapan Kerajaan DYMM Paduka Seri Baginda Queen dan juga diri saya sa-chara bersama kita akan dapat menyelenggarakan apa2 hal untuk meneruskan keadaan yang menggembirakan ini melalui keadaan yang bertukar dalam masa pertengahan kedua kurun kedua puluh ini.

"Saya sungguh kagum yang kita telah berjaya dalam menempoh perhubungan yang sama. Ini ada-lah kerana usaha yang bukan-nya rangen oleh penasehat dan pegawai2 kita", jelas YAB Menteri Negara itu.

junjong berangkat ka-Dewan Lapau dan bersemayam di-Pataratna dan sa-telah itu upacara Istiadat Menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Brunei dengan United Kingdom di-mulakan.

Turut menanda-tangani perjanjian tersebut selaku saksi bagi Kerajaan Baginda Queen ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang Arthur Watson dan sa-

ramai 16 orang kenamaan negara kita selaku saksi bagi Negeri Brunei.

Antara2 orang2 kenamaan kita yang menanda-tangani perjanjian tersebut ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddi, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah.

YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Penasehat Umom Kebawah DYMM; Menteri Besar, YAM

M.B. TERIMA PERUTUSAN TAHNIAH DARI PERDANA MENTERI M'SIA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menerima utusan tahniah dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato Hussein Onn, bagi pihak Kerajaan dan raayat Malaysia atas kejayaan Kerajaan Brunei mencapai persetujuan dengan Kerajaan United Kingdom mengenai dengan perjanjian yang baru di-tanda-tangani itu.

Dalam perutusan itu, Perdana Menteri Malaysia menyatakan yang Perjanjian yang di-tanda-tangani itu, membuka sejarah baharu bagi Negeri Brunei dalam pentadbiran dan urusan di-dalam dan di-luar negeri.

Dato Hussein Onn menyatakan dalam perutusan itu bahawa Kerajaan dan raayat Malaysia sentiasa berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala memakbulkan segala hasrat dan chita2 Kerajaan dan raayat Brunei untuk mencapai martabat dan kedudukan yang tinggi bagi Negeri Brunei Darussalam serta kesejahteraan dan kebahagiaan bagi seluruh raayat Brunei.

Dalam utusan itu, Perdana Menteri Malaysia meminta supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei "salam dan do'a Perdana Menteri dan raayat Malaysia seluruhnya".

Perdana Menteri Malaysia itu berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan usia dan memelihara kesihatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dapat terus kekal di-atas Takhta Kerajaan Negeri Brunei Darussalam.

Talikawat yang di-tujukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia itu berbunyi:

"Saya bagi pihak Kerajaan dan raayat Malaysia mengucapkan tahniah di-atas kejayaan Kerajaan Brunei mencapai persetujuan dengan Kerajaan United Kingdom dalam perundingan yang di-adakan baru2 ini.

Perjanjian yang di-tanda-tangani pada hari ini (Ahad), membuka sejarah baru bagi Negeri Brunei dalam pentadbiran dan urusan-nya di-dalam dan luar negeri.

Kerajaan dan raayat Malaysia sentiasa mendo'akan semoga Allah Subhanahu Wata'ala memakbulkan segala hasrat dan chita2 mulia Kerajaan dan raayat Negeri Brunei untuk mencapai martabat dan kedudukan yang tinggi bagi Negeri Brunei Darussalam.



YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abd Momin.



YAB Dato Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia.

lam serta kesejahteraan dan kebahagiaan bagi seluruh raayat-nya.

Saya sukachita kira-nya Yang Amat Mulia Dato dapat menyembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Darussalam dan do'a

saya dan raayat Malaysia seluruh-nya.

Kami berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan usia dan memelihara kesihatan Paduka Seri Baginda, supaya Paduka Seri Baginda dapat terus kekal di-atas takhta Kerajaan Brunei Darussalam."

Tahniah2 dari Singapura dan Australia

KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei juga telah menerima ucapan2 tahniah dari YAB Perdana Menteri Singapura, Enchee Lee Kuan Yew dan Perdana Menteri Commonwealth of Australia, YAB Tuan Malcolm Fraser.

Dalam ucapan tahniah-nya, YAB Enchee Lee Kuan Yew berkata proses yang beransur2 terhadap mencapai kedaulatan dan kemerdekaan sepenuhnya oleh Brunei akan memberikan sumbangan kepada kestabilan rantau ini. Ia-nya juga membolehkan penyesuaian2 yang di-perlukan dalam negeri supaya dapat di-susun dengan baik.

"Singapura telah sentiasa menikmati perhubungan2 yang sangat baik dan sungguh mesra dengan Brunei. Oleh yang demikian pategk mengul2kan saat ini dan berharap bahawa Brunei akan ikut serta dalam kerjasama di-antara satu dengan lain dengan negara2 ASEAN dalam masa yang tidak lama lagi", kata Enchee Lee.

Enchee Lee menambah, beliau percaya bahawa di-tahun2 yang akan datang perhubungan2 kita di-segi politik, sosial dan ekonomi akan terus berkembang dan membawa kebajikan kepada kedua2 buah negara.

Perutusan dari YAB Tuan Malcolm Fraser pula berbunyi: "Bagi pihak Kerajaan dan raayat Australia, pategk mem-



YAB Enchee Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura.

berikan kepada Duli Tuan Pategk ucapan tahniah dan muhibbah abis Duli Tuan Pategk sempena ketika yang bersejarah pada menanda-tangani perjanjian baharu di-antara Brunei dengan United Kingdom.

"Duli Tuan Pategk dapatlah merasa yakin bahawa Australia memberikan ucapan selamatnya yang ikhlas terhadap keamanan dan kemakmoran yang berterusan bagi Negeri Brunei dan bahawa abis hamba Duli Tuan Pategk sa-bagai jiran di-rantau ini sukachita akan memperkembangkan kerjasama yang rapat dengan Brunei di-tahun2 yang akan datang."

Pusat pameran di-tutup sementara

PENGARAH Muzium2 Brunei mengumumkan bahawa Pameran Pusat Sejarah dan Kebudayaan Brunei, Tugu Peringatan Churchill di-Bandar Seri Begawan di-tutup untuk lawatan mulai 3hb Januari lalu.

Ia-nya akan di-buka semula pada satu masa yang akan di-umumkan kemudian.